


Jilid III  
Bil. 20



MALAYSIA

Hari Selasa  
5hb Februari, 1974

**PENYATA RASMI**  
OFFICIAL REPORT

DEWAN NEGARA  
*SENATE*

PARLIMEN KETIGA  
*Third Parliament*

PENGGAL PARLIMEN KETIGA  
*Third Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 1665]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan, 1974 [Ruangan 1670]**

MALAYSIA

# PARLIMEN YANG KETIGA—DEWAN NEGARA

*Penyata Rasmi*

## PENGGAL YANG KETIGA

---

Hari Selasa, 5hb Februari, 1974

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

### YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N. (Dilantik).
- .. Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., P.J.K. (Dilantik).
- .. Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN WONG SENG CHOW, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- .. Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- .. Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI S. O. K. UBAIDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- .. TUAN ABDULLAH BIN DATUK HAJI ABDUL RAHMAN, J.M.N., S.M.J. (Johor).
- .. TAN SRI HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, P.M.N., J.P. (Dilantik).
- .. TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negri Sembilan).
- .. DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantik).
- .. TUAN ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Dilantik).
- .. TUAN ABU BAKAR BIN AHMAD, S.M.T., P.J.K. (Trengganu).
- .. TUAN AMALUDDIN BIN DARUS, P.M.K., J.P. (Kelantan).
- .. TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Dilantik).
- .. DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- .. DATUK DR CHEAH TOON LOK, D.P.M.K., D.M.K., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- .. DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., J.P. (Negri Sembilan).
- .. DATO' J. E. S. CRAWFORD, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).
- .. PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- .. TUAN AWANG DAUD BIN MATUSIN (Dilantik).
- .. TUAN HAJI DZULKIFLI BIN DATUK HAJI ABDUL HAMID (Dilantik).
- .. DATUK FOO SEE MOI, D.P.M.K., J.P. (Dilantik).
- .. TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI YAAKUB, J.P. (Melaka).

- Yang Berhormat DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN HAJI C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN THOMAS KANA, K.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN LEW SIP HON (Dilantik).
- „ DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
- „ DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- „ TUAN G. LOUIS, J.P. (Dilantik).
- „ DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kedah).
- „ DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
- „ TAN SRI MOHD. NOOR TAHIR (T.H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Dilantik).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN OOI ENG HONG (Kedah).
- „ TUAN HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, P.C.M. (Perak).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Perlis).
- „ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN YEAP KHENG YAM, P.J.K. (Perak).
- „ TUAN ZAINUDDIN BIN HAJI MOHD. SIDIN, P.J.K. (Dilantik).

YANG TIDAK HADIR :

- Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am, PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pertanian dan Perikanan, TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K. (Melaka).
- „ TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Selangor).
- „ DATUK SYED KECHIK BIN SYED MOHAMED, P.G.D.K. (Sabah).
- „ DATUK KHOO SIAK CHEW, S.P.D.K. (Sabah).
- „ DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Dilantik).

- Yang Berhormat DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., P.J.K., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- „ DATUK TEMENGGONG OYONG LAWAI JAU, P.N.B.S., M.B.E. (Sarawak).
- „ DATUK E. E. C. THURASINGHAM, D.P.M.J., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN TING MING HIA (Sarawak).

YANG HADIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Penyelarasan Kampung-kampung Baru, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian Selatan).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

## DEWAN NEGARA

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara, Lim Joo Keng.

Timbalan Setiausaha, A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Nghoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Ng Cheng Kuai.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar Shariff bin Md. Saad.

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

UNIVERSITI MALAYA—PENUNTUT  
MELAYU DALAM PERUBATAN

1. **Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta menteri Pelajaran menyatakan bilangan penuntut-penuntut Melayu dan lain-lain yang mempelajari ilmu perubatan di Universiti Malaya dalam tahun 1973.

**Menteri Pelajaran (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, bilangan penuntut-penuntut Melayu dan lain-lain yang mempelajari Ilmu Perubatan di Universiti Malaya bagi tahun 1973 adalah seperti berikut:

Bumiputra 192 termasuk 26 di peringkat pra-perubatan.

Cina ... ..	380
India ... ..	53
Lain-lain ... ..	24

UNIVERSITI MALAYA—PENUNTUT  
MELAYU DALAM KEJURUTERAAN

2. **Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta menteri Pelajaran menyatakan bilangan penuntut-penuntut Melayu dan lain-lain yang mempelajari ilmu kejuruteraan di Universiti Malaya dalam tahun 1973.

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, bilangan penuntut-penuntut Melayu dan lain-lain yang mempelajari Ilmu Kejuruteraan di Universiti Malaya dalam tahun 1973 ialah:

Bumiputra 53 orang termasuk 13 di peringkat pra-kejuruteraan.

Cina ... ..	599
India ... ..	30
Lain-lain ... ..	7

**Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin:** Soalan tambahan. Daripada angka yang lain-lain itu dapatkah Yang Berhormat

Menteri menyatakan samada mereka itu warganegara Malaysia?

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta notis berkenaan dengan soalan itu.

**Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin:** Soalan tambahan. Daripada bilangan 53 orang penuntut Melayu itu, adakah Yang Berhormat Menteri telah diberi keyakinan oleh pihak yang berkenaan iaitu jumlah bilangan penuntut-penuntut itu yang boleh berjaya kelak?

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak berapa dengar di hujung soalan itu tadi.

**Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin:** Daripada 53 orang penuntut Melayu yang ada di dalam Universiti itu, adakah Yang Berhormat Menteri boleh memberi maklumat daripada jumlah itu berapakah yang telah berjaya pada tahun yang tersebut?

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Ini adalah akhir tahun 1973. Pada masa sekarang penuntut-penuntut ini sedang menghadapi peperiksaan. Jadi belum lagi mengetahui berapakah yang berjaya dan berapakah yang tidak berjaya.

**Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin:** Soalan tambahan. Daripada sumber-sumber pihak yang berkenaan seperti mahaguru atau guru boleh mengagak daripada jumlah itu berapakah jumlah yang akan berjaya? Adakah Yang Berhormat Menteri diberi maklumat sebagai Menteri Pelajaran dalam masa ini?

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Tidak, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Abdullah bin Datuk Haji Abdul Rahman:** Saya minta keterangan daripada Yang Berhormat Menteri, bilakah angka murid-murid bumiputra akan seimbang dengan murid-murid Cina dan lain-lain dalam Faculty of Engineering; bilakah masanya dijangka murid-murid bumiputra akan seimbang banyaknya dengan murid-murid Cina di dalam Faculty of Engineering? Berapa tahun lagi dijangka akan seimbang.

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Jangkaan tahun itu memang sukar pada masa ini, tetapi bagi pihak Kementerian Pelajaran

rambut sampai ke hujung kaki untuk mengetahuinya anak-anak akan terpesong daripada apa yang kita hendak mengajar pelajaran agama lari sudut akhlak, dari sudut kepercayaan dan dari sudut hukum-hukum, fekah yang sekira-kiranya dia dapat menaikan dan memahaminya.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarek perhatian kepada Yang Berhormat Menteri supaya menyemak pelajaran-pelajaran agama di sekolah-sekolah, menengok balik syllabus yang patut diajarkan kepada mereka dan menengok apakah pelajaran akhlak sesuai dengan keperbadian anak-anak yang masa kecil itu. Saya rasa kalau soal ini kita mulakan menanam dengan secara yang lebih sesuai dengan umur dan kehidupan serta kelakuan anak itu sendiri, saya rasa mata pelajaran ini akan menolong kepada anak-anak itu menjadi seorang pelajar yang baik, hormat kepada guru, hormat kepada ibubapa dan hormat kepada sesama kawan. Apa yang kita perhatikan sekarang ini anak-anak kita kian besar menjadi orang yang tidak berketentuan. Kian lama dia besar, kian lama membesar badannya, maka dia merupakan anak-anak yang kadang-kadang tidak mematuhi perintah ibu bapanya, gurunya dan masyarakat di sekitar. Ini membayangkan betapa kesannya mata pelajaran di sekolah itu kepada anak ini sejauh mana kesan-kesan pelajaran itu diberi kepada mereka dapat kita lihat daripada pergaulan, percakapan dan cara mereka mempergauli orang tua dan gurunya di sekolah dan di rumah.

Manakala dia telah sampai peringkat L.E.C. atau S.R.P. sampai kepada sekolah menengah lagi dan sampai ke perguruan tinggi di I.T.M., I.T.K., universiti dan sebagainya anak-anak kita ini masih menambahkan pemikiran kita sendiri, walaupun kita dalam dasar negara kita memberikan kebebasan kepada anak-anak untuk berfikir, untuk mengambil tahu suatu keadaan yang berlaku di sekitarnya tetapi bukanlah saat bagi anak-anak kita itu walaupun mereka sudah berumur belasan tahun, katalah dua puluhan tetapi mereka masih lagi dibiayai oleh orang lain, masih lagi dibantu oleh ibubapa, masih lagi dapat bantuan dari Kerajaan dengan cara biasiswa dan sebagainya, sekalipun kita katakan mereka berhak mengetahui apa yang ada di sekitar masyarakat mereka, tetapi keterlaluan di dalam mengambil tahu soal-soal ini akan mengakibatkan keciciran kepada anak-anak itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh mengikut udara dan cara orang berfikir. Kita tidak boleh mengikut cara dan bagaimana orang bertindak di luar negeri dan kalau kita mempelajari akibat-akibat yang telah mereka lalui setakat ini, maka kerugian lebih besar daripada keuntungan.

Saya suka menarik perhatian terutama sekali pelajar-pelajar di sekolah-sekolah tinggi seumpama di I.T.M.—Insitiute Teknologi MARA, Insitiute Teknologi Kebangsaan, Mahasiswa Universiti Kebangsaan atau Universiti Sains dan sebagainya. Saya suka menyarankan supaya mereka adalah suatu golongan yang sebenarnya kita meletakkan harapan kepada mereka. Kita meletakkan harapan kita kepada mahasiswa dan murid-murid duduk di pelajaran tinggi ini supaya mereka keluar mengambil alih, mengambil tugas daripada orang-orang yang sudah tua, yang sudah sampai waktunya mereka akan meninggal dan di saat negara kita sedang membangun, di saat negara kita sedang melalui satu proses pembangunan yang sangat merbahaya, kalau kita tidak jaga-jaga, maka merekalah orangnya, golongan merekalah yang kita harapkan supaya mereka dapat membawa masyarakat dan negara ini ke jalan yang lebih seumpamanya pada masa yang akan datang.

Saya tidak bermaksud bahawa mahasiswa atau murid-murid kita itu jangan mengambil aktiviti-aktiviti di luar pelajaran, tetapi sebagai seorang warganegara yang tahu kepada tugas, kita patut mengutamakan mana yang terpenting dan mana yang penting, mana yang patut kita dahulukan dan mana yang patut kita tinggalkan di belakang. Saya bercakap sebagai seorang warganegara, sebagai seorang bumiputra yang ingin melihat anak-anak bumiputra kita ini keluar daripada pengajian tinggi, daripada universiti iaitu pemimpin-pemimpin yang dedikasi pada masa yang akan datang. Apa yang saya perhatikan sekarang ini ada di antara golongan-golongan walaupun tidak besar jumlahnya, mereka menentang ataupun membuatkan sesuatu cara bagi mengkondemkan usaha-usaha daripada Pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam—Civil Service misalnya, mengatakan bahawa golongan Civil Service ini ialah orang-orang yang tidak dedikasi dan sebagainya. Saya bukanlah seorang daripada pegawai Civil Service, tetapi kalau sekiranya mahasiswa kita keluar daripada universiti, mereka juga akan

berikhtiar seberapa boleh untuk membanyakkan supaya mengimbangkan angka penuntut-penuntut Melayu dengan penuntut-penuntut dari kaum-kaum yang lain. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, pada masa ini Kementerian telah menubuhkan beberapa sekolah Menengah Sains, dan dengan ini kita berharap dalam jangka masa 3 atau 4 tahun lagi ramai penuntut-penuntut kelulusan daripada Sekolah Menengah Sains ini akan dapat masuk belajar ke universiti dalam jurusan sains dan kejuruteraan.

**Tan Sri S. O. K. Ubaidulla:** Saya hendak minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, bilangan India, adakah termasuk orang-orang Pakistan dan Ceylon ataupun tidak?

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta notis atas soalan tambahan ini.

**Tan Sri S. O. K. Ubaidulla:** Kalau begitu, bilangan India ini tidak betul, Tuan Yang di-Pertua.

## KUMPULAN BURUH INDIA SELATAN

3. **Datuk V. Ponnusamy Pillai** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada Kerajaan bercadang untuk menggunakan Kumpulanwang Buruh India Selatan yang berjumlah tidak kurang daripada \$3 juta untuk membina kilang-kilang dan memberi peluang-peluang pekerjaan kepada penganggur-penganggur di negara ini.

**Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Penyelarasan Kampung-kampung Baru (Datuk Lee San Choon):** Tuan Yang di-Pertua, tujuan-tujuan Kumpulanwang Buruh India Selatan boleh digunakan adalah ditentukan oleh undang-undang. Kumpulanwang tersebut ialah untuk menfaat mereka yang diambil bekerja dari India Selatan sebelum peperangan untuk bekerja di Malaya. Ianya bukanlah untuk kebajikan masyarakat umum seperti yang terkandung dalam pertanyaan tersebut. Di antara lain-lain Kumpulanwang tersebut memberi bantuan dan menjaga buruh-buruh kasar India Selatan yang tua dan tidak berdaya bekerja dan yang memerlukannya.

**Datuk V. Ponnusamy Pillai:** Soalan tambahan. Bolehkah Menteri itu memberitahu berapa ramai orang-orang tua yang duduk di dalam rumah kebajikan itu atau berapa orangkah yang duduk di dalam rumah orang-orang tua itu yang tak boleh bekerja?

**Datuk Lee San Choon:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta notis untuk menjawab soalan itu.

**Datuk V. Ponnusamy Pillai:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada sebutkan dalam soalan ini jumlahnya lebih kurang \$3 juta, adakah ianya lebih ataupun kurang, barangkali saya silap. Adakah figure itu betul ataupun kurang?

**Datuk Lee San Choon:** Tuan Yang di-Pertua, kira-kira wang kumpulan ini telah dicatitkan dalam lapuran tiap-tiap tahun dan wang yang sebenarnya ada sekarang sebagaimana yang dikehendaki, saya minta notis untuk memberitahu Ahli Yang Berhormat itu.

**Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin:** Soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat Menteri tadi adakah kemungkinan bagi Kerajaan meminda Undang-undang Buruh India Selatan tadi supaya membolehkan wang itu dilaburkan di dalam perusahaan seperti yang disebutkan dalam soalan asal tadi?

**Datuk Lee San Choon:** Tuan Yang di-Pertua, pada fikiran saya ada kemungkinan juga.

**Datuk V. Ponnusamy Pillai:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah wang ini digunakan oleh buruh-buruh India Selatan sahaja ataupun bangsa lain?

**Datuk Lee San Choon:** Perbelanjaan wang itu telah ditetapkan dalam Undang-undang yang dibentuk untuk Kumpulanwang itu.

## JURURAWAT—PENGAMBILAN

4. **Tuan Yeap Kheng Yam** minta Menteri Kesihatan menyatakan samada benar bahawa 90% daripada jururawat-jururawat telah diambil dari satu kaum yang tertentu sahaja, jika ya, apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk membetulkan keadaan yang tidak adil ini.



**Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya telah mengambil langkah-langkah untuk membetulkan semua gred Jururawat termasuklah jururawat-jururawat pelatih dan kedudukan sekarang adalah seperti berikut:

Melayu	Cina	India	Lain-lain	Jumlah
2,105	2,083	453	70	4,711

### POLIKELINIK DI JELAPANG

**5. Tuan Yeap Kheng Yam** minta Menteri Kesihatan menyatakan bila sebuah Pusat Kesihatan akan didirikan di Jelapang Ipoh, sebagaimana yang telah diumumkan oleh beliau pada awal tahun 1973 di Jelapang dan berapakah anggaran belanja bagi projek ini.

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah saya umumkan, Kementerian saya bercadang hendak membina sebuah Poliklinik di Jelapang.

Pada masa saya membuat pengumuman itu, adalah dicadangkan untuk membina sebuah Poliklinik Kecil serupa seperti yang telah dibina di Kampung Manjoi, Ipoh.

Memandang kepada kemungkinan pekan Jelapang membangun dan menjadi sebuah Bandar Baru bagi Ipoh, dengan pesatnya, Kementerian saya telah menimbangkan bahawa sebuah Poliklinik yang besar adalah lebih sesuai bagi menampung keperluan-keperluan penduduk-penduduk yang dijangka akan bertambah dari masa kemasa.

Kementerian saya telah menyediakan pelan Poliklinik yang besar sesuai untuk satu kawasan seperti Jelapang.

Anggaran harganya adalah dalam lingkungan \$150,000.

Jabatan Perubatan, Perak, akan menjalankan kajian-kajian yang perlu berkaitan dengan menempatkan Poliklinik itu, berhubung dengan Master Plan Jelapang keseluruhannya, dan apabila kajian-kajian selesai kerja-kerja permulaannya akan dijalankan.

**Tuan Yeap Kheng Yam:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan mengenai jawapan daripada Yang Berhormat Menteri tadi, adakah pelan yang akan dibuat bagi mendirikan klinik tersebut itu boleh diberitahu bilakah akan siap, adakah 3 bulan atau 6 bulan?

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Tuan Yang di-Pertua, saya harap tak lama lagi Kementerian saya akan mendapatkan satu laporan daripada Ketua Perubatan dan Kesihatan Negeri Perak. Bila satu laporan itu telah diterima, Kementerian saya akan mengambil langkah seberapa segera yang boleh bagi membina sebuah poliklinik di kawasan Jelapang itu pada masa yang akan datang.

**Tuan Yeap Kheng Yam:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan lagi. Adakah peruntukan ini termasuk dalam rancangan tahun 1974 itu?

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Tuan Yang di-Pertua, perbelanjaan sejumlah \$150,000 itu adalah disediakan sekarang akan tetapi kita sedang menunggu kajian-kajian daripada Ketua Pegawai Perubatan dan Kesihatan Negeri Perak seperti yang telah saya sebutkan baharu sebentar tadi.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1974

#### Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas Masaalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (4hb Februari, 1974).

*Perbahasan disambung semula.*

2.47 ptg.

**Tuan Haji Othman bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, menyambung ucapan saya yang tergantung semalam berkenaan dengan masaalah Lembaga Urusan dan Tabung Haji yang telah menimbulkan banyak cakap-cakap yang tidak begitu menyenangkan yang kita dengar di luar terutama sekali di masa-masa yang akhir ini di mana Lembaga ini tidak dapat memenuhi bukan sahaja kehendak bakal-bakal haji, tetapi tidak dapat memenuhi cakap dan janji-janji pegawai-pegawainya terhadap bakal-bakal haji itu sendiri. Dan ini menyebabkan terjejasnya sedikit kebaikan yang selama ini dibuat oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji untuk faedah bakal-bakal haji.

Pada masa-masa dahulu, dua tahun sebelum daripada itu jemaah haji yang hendak pergi ke Mekah melalui jalan udara telah diberi kesempatan kepada badan-badan ataupun kepada syarikat-syarikat penerbangan

terutama sekali syarikat bumiputra mengelolakan urusan pemergian bakal-bakal haji itu ke Mekah, dan mereka berurus dengan syarikat-syarikat kapalterbang di luar negeri untuk mengangkut bakal-bakal haji itu dan apa yang kita telah lalui bahawa usaha mereka dalam soal itu adalah memuaskan. Tetapi setelah Lembaga Urusan dan Tabung Haji mengambil alih semua urusan itu, maka timbullah beberapa masalah-masalah yang menyulitkan bakal-bakal haji itu sendiri.

Saya rasa elok Lembaga Urusan dan Tabung Haji memikirkan atas soal ini, bukan dipandang dari sudut mencari keuntungan semata-mata, tetapi yang penting ialah memberikan perkhidmatan kepada bakal haji supaya mereka dapat menunaikan Rukun Islamnya dengan tidak ada rungutan di dalam hati mereka itu. Kesulitan mereka yang telah timbul kepada bakal-bakal haji pada tahun ini pergi dan balik daripada menunaikan fardu haji semuanya kita telah maklum. Iklan atau permakluman kesampaian kapalterbang dari Mekah juga tidak tepat. Jemaah haji yang balik daripada Mekah akan ditunggu oleh sanak-saudaranya di lapangan terbang, tetapi malangnya mereka tidak sampai dan mereka tidak ketahui bilakah mereka akan sampai. Ini satu daripada hal yang patut diperbaiki. Apa yang saya dapat rungutan daripada jemaah haji ini iaitu pegawai-pegawai Lembaga Urusan dan Tabung Haji ini tidak mengutamakan menaiki kapalterbang misalnya, pegawai Lembaga Urusan Tabung Haji lebih dahulu naik kapalterbang, kemudian barulah jemaah haji. Kalau hendak turun pun begitu juga, merekalah yang turun dahulu, kemudian membiarkan jemaah haji itu di belakang, dan apa yang berlaku kepada mereka itu terserahlah kepada nasib mereka sendiri.

Kalau ini, Tuan Yang di-Pertua, urusan yang hendak dibuat bukan mendatangkan kebajikan kepada pegawai-pegawai tetapi juga akan mendatangkan rasa tidak senang oleh jemaah haji kepada pegawai-pegawai.

Berbalik saya kepada masalah ini juga, pada masa kita hendak menghantarkan jemaah haji kita ke Mekah dengan kapalterbang baharu-baharu ini, saya terbaca di dalam suratkhabar ada sebuah kapalterbang yang boleh membawa 300 penumpang sekali gus, dan ini tidak mendapat perhatian daripada Lembaga Urusan dan Tabung Haji.

Saya tidak tahu samada syarikat kapalterbang ini telah mengadakan perhubungan dengan Lembaga Urusan dan Tabung Haji atau tidak, tetapi saya tahu bahawa kapalterbang itu ada di Kuala Lumpur ini menunjukkan penerbangannya, dan saya membaca di dalam surat khabar bahawa penerbangannya baik dan kapalterbang itu boleh membawa banyak penumpang. Apa yang mendukacitakan saya, Tuan Yang di-Pertua, setiap kali jemaah haji ini pergi dengan kapalterbang yang sepatutnya membawa jemaah haji seramai 186 orang, tetapi hanya diisi seramai 110-130 dan tidak sampai 186 mengikut tempat duduk di dalam kapal terbang itu. Ini tentulah menimbulkan kerugian juga, kenapa masalah ini timbul.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapat tahu, benar atau tidak, dan saya harap Menteri Tugas-tugas Khas berkenaan dengan ini akan menjawab soalan atau pun perasaan tidak senang ini mengatakan bahawa kapalterbang yang membawa jemaah haji pada tahun ini ke Mekah ialah kapalterbang yang telah usang, yang selalu rosak dan membawa kambing, lembu dan sayur-sayur daripada Benua ke Benua, Benua Australia, Benua Eropah dan sebagainya kerana agak murah kononnya, maka diambil untuk membawa jemaah haji ke Mekah. Kalau benar, maka tidaklah patut jenis kapalterbang seperti itu boleh diambil oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji untuk mengangkut jemaah haji. Saya harap Lembaga ini akan membetulkan perjalanannya dan akan memberikan kepuasan kepada bakal-bakal haji pada masa akan datang. Apa yang paling menggembirakan sekali ialah penjelasan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa pada tahun hadapan MAS akan mengambil alih membawa bakal-bakal haji ke Mekah, dan kalau ini berlaku saya harap tidak ada kerumitan lagi akan timbul di dalam urusan dan tabung haji ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh di dalam soal L.P.N. (Lembaga Padi dan Beras Negara) yang pada suatu masa dahulu menjadi tajuk perbahasan di mana-mana pun di dalam surat khabar di dalam dailok, di dalam perjumpaan di antara pegawai dengan rakyat dan sebagainya, tetapi pada masa-masa akhir ini masalah L.P.N. sudah sunyi dan sepi dan tidak ada lagi masalah yang ditimbulkan. Bila kekurangan beras berlaku di negara kita ini, maka yang disalahkan

ialah L.P.N. Bukan sahaja L.P.N., tetapi kakitangannya daripada pegawai-pegawai sampai kepada Pengurus-pengurusnya. Setelah L.P.N. menjalankan tugasnya walaupun dengan keadaan yang begitu pahit, sekarang ini tidak timbul lagi masalah-masalah L.P.N. dibicarakan oleh orang-orang di mana-mana pun juga.

Ada satu perkara yang saya suka menarik perhatian L.P.N. supaya Pegawai-pegawai L.P.N., terutamanya pegawai-pegawai yang selalu berhadapan dengan rakyat hendaklah dengan muka yang manis dan perasaan yang terbuka dan tidak seperti yang pernah kita dengar bahawa kekasaran berlaku di antara Pegawai dengan rakyat. Yang kedua, saya suka menarik perhatian L.P.N. berkenaan lesen membeli atau memborong beras yang dikeluarkan oleh L.P.N. yang biasanya lesen itu habis tempohnya pada 31hb Disember pada tiap-tiap tahun dan dibaharui pada awal tahun. Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, keadaan membaharui seluruh lesen pada awal tahun akan menimbulkan keributan dan kesesakan di dalam urusan pembaharuan lesen itu. Apa yang saya suka mencadangkan supaya L.P.N. membuat cara pembaharuan lesen ini mengikut Lesen Radio dan Talivisyen. Misalnya, lesen radio mati pada 1hb Mei, 1974, maka orang itu hanya membaharui lesennya masa itu dan tidak pada awal tahun. Jadi, kalau sekiranya setiap pemegang-pemegang lesen itu tahu tanggal lesennya mati, maka tidaklah akan berlaku kesesakan-kesesakan di dalam pembaharuan lesen mereka itu. Saya suka mengucapkan tahniah kepada L.P.N. pada masa-masa yang akhir-akhir ini yang telah dapat mempertahankan kekuatan dan keutuhan L.P.N. dan mempertahankan juga kecukupan makanan di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran, oleh kerana Yang Berhormat Menteri Pelajaran itu ada di dalam Dewan ini, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih. Kementerian Pelajaran adalah suatu Kementerian yang terbesar sekali di dalam Kementerian-kementerian kita dipandang daripada sudut fungsi yang dimainkan oleh Kementerian ini dan kewangan negara yang diuntukkan kepadanya. Kementerian ini mempunyai kedudukan yang maha penting, kerana Kementerian inilah yang merupakan suatu projek yang akan

melahirkan anak-anak dan jenerasi kita pada masa yang akan datang yang taat setia mereka ditumpu hanya kepada negara kita ini mempunyai identitinya sendiri dan keperibadian sebagai suatu bangsa yang merdeka dan berdaulat. Walaupun Kementerian Pelajaran merupakan satu Kementerian yang sungguh diharapkan, bukan sahaja oleh rakyat, tetapi oleh ibubapa yang menghantar anak mereka ke sekolah-sekolah, maka tentulah beberapa masalah-masalah dan kesulitan-kesulitan timbul di dalam urusan Kementerian Pelajaran ini. Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, kita hendak melahirkan suatu jenerasi yang progresif, dinamis dan sebagainya, tetapi di dalam bentuk kita hendak melahirkan suatu jenerasi dinamis itu, kita hendaklah juga menjaga tata susila dan kehormatan sebagai seorang yang mempunyai keperibadian kita sendiri. Di peringkat bawah anak-anak kita pada masa-masa dahulu tidak diajar dengan sempurnanya pelajaran-pelajaran agama. Kalau diajar pelajaran agama pun di peringkat bawah, pelajaran agama yang tidak sesuai dengan otak anak-anak itu sendiri. Pelajaran agama yang diajar kepada anak-anak Kelas 1, Kelas 2, misalnya, adalah mata-mata pelajaran yang walaupun dia merupakan fardhu ain iaitu wajib mereka ketahui, tetapi kadang-kala otak dan fikiran anak-anak itu payah hendak menerima pelajaran itu kerana belum sampai waktu dan saat dia mempelajarinya. Misalnya bagaimana engkau hendak menghilangkan hadas besar. Anak yang kecil yang berumur 8 dan 9 tahun ia tidak mengerti apakah yang dinamakan hadas besar dan hadas kecil. Guru terpaksa menerangkan kepada anak ini yang dinamakan hadas kecil ini, yang dinamakan hadas besar ini. Kalau anak itu tidak faham juga apa yang dinamakan hadas besar ini, maka terpaksa diajar lagi bahawa hadas besar ini kalau begini dan begini maka orang ini berhadas besar dan wajib bagi dia mandi junub atau mandi berhadas besar untuk menghilangkan hadas besar. Anak yang kecil yang berumur 8 dan 10 tahun dia tidak tahu makna junub, tidak tahu maknanya ini semua sekali dan kalau ini kita masukkan ke dalam otak anak-anak yang kita anggap anak-anak ini adalah anak-anak yang ingin mengetahui sesuatu yang dia tidak ketahui, maka dia cuba mencari apakah sebenarnya perkara ini sehingga agama memaksa aku mesti mandi daripada hujung

menjadi ahli-ahli Civil Service pada akhirnya; mereka akan mentadbirkan negara kita ini. Dan kalau daripada sekarang ada gejala-gejala yang tidak sihat di antara mahasiswa dengan pegawai-pegawai, maka saya khuatir kita akan bentrokan di antara kita sama kita yang akibatnya kita akan menderita sendiri.

Saya suka menyarankan dengan tulus ikhlas kepada mahasiswa-mahasiswa, kepada pelajar-pelajar di perguruan tinggi supaya mereka betul-betul memikirkan mana yang penting bagi mereka. Kita sebagai orang-orang politik di dalam negara ini mahu melihat negara kita bukan sahaja kekukuhan itu ada di dalam politik, tetapi kita mahu melihat kekukuhan itu ada di dalam ekonomi, kekokohan itu ada di dalam pelajaran, kebudayaan, susila, akhlak dan sebagainya supaya semua unsur-unsur ini akan menjamin lahirnya sebuah masyarakat Malaysia yang berperibadian sendiri, yang mempunyai idenditi sendiri dan mempunyai Pegawai-pegawai Civil Service yang lebih daripada orang-orang lain di luar negara kita. Inilah yang saya harapkan, sekalipun di masa yang akhir ini, kita nampak kegiatan-kegiatan mahasiswa kita di luar kampusnya lebih banyak daripada apa yang kita harapkan, tetapi mereka patut kembli ke kampusnya masing-masing dan memikirkan apa yang penting bagi negara dan bangsa kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta supaya Kementerian Pelajaran memerhatikan soal ini. Kalau anak masih kecil—rebung bolehlah kita lentur, tetapi anak-anak kita yang duduk menjadi mahasiswa di Universiti bukanlah rebung lagi, tetapi sudah menjadi buluh yang kalau silap-silap kita melenturnya, maka betung itu akan memukul muka kita sendiri, dan kalau silap-silap kita melenturnya, dia akan merugikan masyarakat dan negara kita.

Saya sekali lagi meminta kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran supaya bersabar dan banyak menyerahkan diri kepada Tuhan di dalam menghadapi ini semua, kerana tidak ada seorang yang bergelar Menteri Pelajaran yang akan berjalan dengan baik di dalam tugas-tugasnya, dia akan dapat melalui unak duri mendaki dan menurun yang kadang-kadang terpaksa dia merangkak dalam memperbaiki dan menjalankan tugas-tugas yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, kekurangan guru-guru di negara kita ini sudahlah menjadi hal yang kita ketahui seluruhnya. Saya rasa ada baiknya Kementerian Pelajaran memikirkan cara bagaimana mengatasi kekurangan guru-guru walaupun kita tidak mahu guru yang akan mengajar di sekolah rendah, menengah dan sebagainya guru-guru yang tidak terlatih, guru-guru yang sementara, tetapi kita terpaksa barangkali berbuat demikian kalau sekiranya tenaga di maktab-maktab yang ada tidak cukup untuk melahirkan para guru yang terlatih, tidak cukup untuk mengeluarkan tenaga-tenaga guru yang kita harapkan. Oleh itu, saya harap Kementerian Pelajaran menimbangkan guru-guru yang tidak terlatih, guru-guru yang sementara ini diterima dan kalau perlu mereka diberikan latihan-latihan yang sewajarnya sebagai seorang guru yang dapat menjalankan tugas perjuangannya. Kalau mereka mempunyai kelayakan yang ada sebagai seorang guru, maka mereka patut diutamakan untuk memasuki maktab-maktab perguruan yang mana kita kekurangan tenaga itu.

Berbalik kepada masaalah agama yang saya sebutkan tadi, saya dapat tahu bahawa guru-guru agama ini adalah disatukan di dalam satu maktab untuk guru agama dan sebagainya. Saya memikirkan, Tuan Yang di-Pertua, sudah sampai saatnya Kementerian Pelajaran memikirkan, apakah yang perlu guru-guru itu disatukan di dalam satu pengajian maktab dengan guru-guru yang lain, atau sudah sampai waktunya difikirkan bahawa suatu maktab yang khusus bagi guru-guru agama seharusnya diwujudkan, sebab kita mahu mencari perimbangan sekarang. Perimbangan dari sudut ilmu pengetahuan dengan sudut akhlak dan rohani. Perimbangan ini tidak boleh hanya secara sambil-lewa, diletakkan pelajaran agama itu di bawah satu maktab perguruan khas misalnya, dan mereka terpaksa mengikut cara-cara hidup di perguruan itu.

Seorang guru agama, kalau saya sebagai seorang guru agama, yang hendak menjadi seorang guru agama misalnya, saya akan merasa segan dan silu kalau saya memakai seluar pendek. Saya tinggal di bawah satu atap perguruan ilmu khas di mana saya seorang daripadanya yang akan mengajar ilmu khas agama di dalam sekolah itu di belakang hari, maka saya terpaksa mengikuti cara hidup di dalam perguruan itu. Kalau

mereka berseluar pendek, maka saya terpaksa berseluar pendek, kalau mereka berjalan ke hulu, ke hilir dengan temannya, maka saya terpaksa mencari teman saya, kalau saya tidak dapat mencari teman saya dari kalangan guru, maka saya akan cari dari bakal-bakal ustazah yang tinggal di sebelah saya. Jadi, keadaan yang seperti ini akan melahirkan imej yang tidak baik terhadap guru-guru agama. Apa kata kalau saya bukan guru agama, saya akan berkata, dia itu dahulu sewaktu di maktab, dia juga ada girl-friend macam aku juga, dia itu ustaz. Jadi, sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, imej guru-guru agama ini dan fungsi yang dimainkan oleh guru agama ini Kementerian Pelajaran haruslah menolong memperbaiki dan menjaganya, inilah orang yang akan mendidik anak-anak kita. Sekarang ini kalau kita melihat daripada bentok, kita tidak dapat membezakan mana seorang guru agama dan mana seorang guru hisab di sekolah itu. Mana seorang cikgu, dengan seorang ustazah, guru agama perempuan tidak dapat dibezakan, semua sama. Sama sama tidak pakai selendang, sama-sama memakai baju ketat, semuanya sama, bezanya tidak ada, yang ada hanya ustaz atau ustazah masuk kelas mengajar Rukun Islam 5 Perkara, cikgu masuk kelas mengajar ilmu hisab atau ilmu tawarikh. Saya minta maaf kalau keterangan saya ini tidak betul, tetapi inilah yang dirungutkan oleh sebahagian daripada para guru yang duduk di dalam maktab-maktab bahawa mereka itu terpaksa mengikuti arus dan udara hidup di dalam maktab itu. Sebagai manusia tentulah dia tidak akan dapat menahan arus ini semuanya dan terpaksa kadang-kadang terdorong juga, dan kalau dia terdorong dalam arus seperti ini, maka imejnya sebagai guru agama akan hilang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya difikirkan perlu atau tidaknya diwujudkan maktab perguruan agama yang khas. Kita boleh katakan bahawa itu satu pelajaran yang khusus, sebab bukan semua orang boleh mengajar agama, walaupun kita seorang beragama Islam, kita tahu sembahyang, puasa dan berzakat dan sebagainya, tetapi belum tentu kita tahu mengajar cara orang bersembahyang. Itulah sebabnya ada di antara ibubapa kita tidak dapat mengajar anaknya sembahyang, kerana dia tidak tahu bagaimana hendak mengajar anaknya sembahyang. Bukan semua orang tahu, bukan

semua orang yang berpelajaran agama atau mengetahui agama tahu bagaimana hendak mengajar agama. Oleh itu, saya takrifkan guru agama ini bolehlah dimasukkan di dalam bahagian ilmu khas. Kalau mereka ini diberikan tugas di dalam satu maktab yang khas, saya rasa akan lebih mendatangkan kesan bagi pembangunan rohani di negara kita ini.

Berbalik kepada masalah keciciran anak-anak yang pada satu masa dahulu menjadi masalah hangat sehingga ada lapuran ataupun repot tentang sebab-sebab keciciran yang berlaku di dalam kalangan masyarakat kita di negara kita ini. Ada orang yang memikirkan keciciran ini ialah disebabkan kemiskinan, ada orang memikirkan kesalahan ibubapa, ada orang memikirkan kemudahan yang tidak cukup, ada orang memikirkan kesalahan Kementerian Pelajaran, ada orang menuduh kesalahan guru-guru yang gilakan mencari kedudukan dan meninggalkan kepentingan murid-murid. Jadi, setiap orang boleh melemparkan kesalahan itu kepada siapa juga yang dia mahu. Kalau dia nampak Menteri Pelajaran dia akan kata, kesalahan ini Menteri Pelajaran yang menanggung, dia nampak guru-guru, dia kata guru-guru ini mesti tanggung semua ini, tetapi, walau siapa pun yang akan menanggung kesalahan ini halnya sudah berlaku, ertinya keciciran berlaku di negara kita ini.

Pada satu masa kalau saya tidak salah, Menteri Kebajikan Am telah berjanji bahawa keciciran akan ditampung oleh Kementerian-nya. Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am, kalau saya tidak salah, telah menyatakan bahawa keciciran anak-anak ini akan ditampung, akan diberi tempat-tempat bagi anak-anak ini menyambung pelajaran, akan diberikan bantuan-bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Saya hendak bertanya kepada Menteri Yang Berhormat supaya menerangkan sejauh manakah usaha Kementerian ini bagi menampung keciciran dalam bidang anak-anak kita ini dapat menyambung pelajarannya pada masa yang akan datang. Kita banyak memikirkan bahawa Kementerian Kebajikan Am ini adalah Kementerian yang tidak begitu penting, ada orang memikirkan Kementerian Kebajikan Masyarakat ini ialah Kementerian yang hendak menolong orang-orang yang cacat anggota dan sebagainya. Pada fahaman saya, Kementerian ini adalah Kementerian

Sosial. Kementerian ini ialah Kementerian Kebajikan Masyarakat, sesuatu yang timbul di dalam masyarakat, baik dalam bidang apa sekalipun, dalam bidang pelajaran daripada bencana alam, daripada sebagainya, maka Kementerian ini adalah bertanggung-jawab bagi menolong, kalau pun tidak dapat mengatasi dan meleraikan tangisan dan ratapan daripada mereka yang terlibat, tetapi sekurang-kurangnya dapat menenangkan perasaan mereka daripada menghadapi keadaan yang mendadak seperti itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian Yang Berhormat Menteri supaya dapat menerangkan di dalam Dewan ini sejauh manakah Kementerian ini mengambil tahu keciciran anak-anak yang berpuluh-puluh ribu banyaknya, dan sejauh manakah mereka telah meredakan rataptangisan daripada ibubapa yang telah kecewa dengan keciciran ini.

Tuan Yang di-Pertua, masalah masyarakat akan tidak berhenti setakat itu, tetapi kelmarin kita dengar lagi kejadian-kejadian yang menimpa sebahagian daripada negeri kita, daripada warganegara kita yang dengan serta-merta seakan-akan benda ini suatu malapetaka yang datang dengan mengejut. Barangkali itulah yang disebutkan oleh sahabat saya Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob bahawa dunia hendak kiamat.

Kelmarin ada dia menyebutkan: Ingatlah wahai sekalian manusia bahawa dunia hendak kiamat. Saya rasa barangkali itu sebahagian daripada kiamat, sedang duduk diam-diam maka lombong pecah, dihanyutkan manusia yang tidak berdosa, yang tidak bersalah. Mereka kehilangan rumahtangga, kehilangan tempat berpegang, tempat bergantung, kehilangan rumah dan sebagainya. Cubalah Kementerian Perusahaan Utama memikirkkan, menimbangkan semula kerja-kerja melombong di dalam kawasan-kawasan yang berhampiran dengan bandar. Kejadian yang berlaku di Ipoh ini bukanlah kejadian yang baharu berlaku. Kalau saya tidak salah kejadian besar ini adalah yang kedua kalinya. Pada tahun 1963 suatu malapetaka telah berlaku di Cheras melibatkan manusia yang tidak berdosa, melibatkan binatang-binatang, bangunan-bangunan, melibatkan tempat rakyat mencari makan menanam sayur, melibatkan berpuluh-puluh ribu ringgit, barangkali mungkin beratus ribu ringgit terlibat, disebabkan oleh kerja-kerja melombong di dalam kawasan-kawasan tersebut.

Saya rasa ada baiknya dibuat satu peraturan atau kalau perlu undang-undang. Tentu Yang Berhormat Peguam Negara tahu bagaimana caranya, cuma saya menarik perhatian beliau. Kalau berlaku hal yang seperti ini tuan punya lombong itu patut memikul tanggungjawab daripada malapetaka ini. Tuan punya lombong yang telah menelan, yang telah mengambil, mengaut segala isi perut bumi ini, menjadi kaya-raya, sudah sampai masanya di saat yang seperti ini mereka mesti terjun ke hadapan memperbaiki nasib orang yang malang, orang yang telah dilanda oleh air lombong yang mereka sendiri punya. Saya tidak tahu setakat mana tindakan Kerajaan terhadap pelombong-pelombong yang telah mengecewakan harapan sebahagian dari orang-orang miskin dengan sebab lombong mereka itu.

**Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof):** Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan. Kita ada undang-undang berkenaan dengan perlombongan dan apakala berlaku malapetaka yang seperti ini, maka mengikut undang-undang itu satu siasatan khas akan diadakan, menentukan apakah sebab berlakunya malapetaka dan pecahnya lombong itu. Sekiranya ada kesalahan bagi pelombong itu, maka mereka akan didakwa di Mahkamah dan kalau dia tidak bersalah dari segi jenayah, sudah tentu dia akan diheret atau didakwa di Mahkamah berkenaan dengan ganti-rugi atas segala harta yang rosak disebabkan lombong. Perkara ini mesti dijalankan mengikut undang-undang, tinggal lagi masa Ahli Yang Berhormat bercakap tadi, begitu juga halnya hendaklah dijaga lebih lagi kalau dibenarkan lombong-lombong dekat dengan bandar atau tempat-tempat penghidupan manusia yang ramai supaya keselamatan mereka itu hendaklah lebih kuat dan rapi dijaga; itu adalah betul.

**Tuan Haji Othman bin Abdullah:** Terima kasih atas perhatian Yang Berhormat Peguam Negara atas masalah ini, atas masalah yang sangat mendukacitakan kita sekalian dan kita tidak tahu berapa banyak lagi lombong akan membunuh rakyat yang tidak bersalah, berapa banyak lagi lombong-lombong yang akan menelan rumah-rumah rakyat yang terdiri daripada tiang-tiang buluh dan kalau sekiranya ini tidak diambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya, sekalipun Yang Berhormat Peguam Negara mengatakan ada undang-undang yang boleh

mendakwa mereka itu di Mahkamah. tetapi Yang Berhormat Peguam Negara tentulah juga tahu bagi melekatkan satu perkara kepada kes itu bukanlah satu hal yang mudah, yang senang dan memakan masa yang panjang, adakan Suruhanjaya, penyiataan di sana dan di sini, tetapi penderitaan orang yang ditinggalkan tidak ada siapa yang memerhatikan dan siapa hendak mengambil tahu, kerana itu saya katakan tadi kegiatan Kerajaan ataupun kesungguhan Kerajaan untuk menjaga, bukan sahaja di Ipoh, tetapi di Kuala Lumpur ini di mana berlaku pada tahun 1967 dan mungkin lagi akan berlaku di Ipoh misalnya, di Batu Gajah, di mana juga dalam negara kita ini supaya mereka yang menjalankan perusahaan perlombongan ini, yang boleh melibatkan kekecewaan nyawa, hartabenda dan sebagainya diberi amaran dari sekarang ini atau diambil tindakan supaya lombong-lombong mereka itu ditutup sahaja daripada mendatangkan malapetaka.

Tuan Yang di-Pertua, saya menarik perhatian kepada Menteri Kebajikan Am supaya mengambil tahu dengan seberapa segeranya akan akibat daripada keruntuhan lombong di Ipoh baharu-baharu ini supaya mereka yang terlibat dan anak-anak mereka yang terlibat akan dapat ditolong dengan secepat mungkin.

Saya suka menyentuh mengenai Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian ini yang telah tidak mengenakan beberapa cukai ataupun beberapa tax kepada barang-barang yang telah diisytiharkan baharu-baharu ini yang menjadi barang-barang utama. Di antara barang-barang utama itu nampaknya saya lihat kekecualian cukai itu ialah perkara-perkara yang besar-besar seperti besi dan sebagainya yang diimpot masuk ke dalam negeri kita ini dan ini menyenangkan kepada kontrekter-kontrekter yang hendak membangunkan rumah, bolehlah mendapat keuntungan sedikit, tetapi cuba Kementerian ini memikirkan soal yang berkenaan dengan pelajar-pelajar, buku-buku misalnya, kertas yang dicetak untuk dijadikan buku, pensel-pensel, pen-pen yang digunakan oleh murid-murid di sekolah. Saya rasa kalau adalah perkara-perkara ini melibatkan kesusahan kepada anak-anak kita, pensel dahulu 5 sen, sekarang 20 sen misalnya. Buku teks yang dahulunya berharga \$1.00 sampai \$2.00 dan manakala kita ber-

tanya kepada guru kenapa buku teks tidak ada, katanya tidak ada kertas. Fasal apa tidak ada kertas? Kertas mahal, hendak dicetak buku; buku mahal, rakyat tidak boleh beli, daripada dibeli mahal lebih baik jangan dibuat. Jadi, yang susahny nanti rakyat juga. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian harus menimbangkan, apakah patut diberi kelonggaran kepada pengimpot-pengimpot kertas misalnya, pensel, pen ataupun perkakas-perkakas persekolahan bagi menolong anak-anak kita supaya mereka itu tidak terlibat dengan inflasi yang ada sekarang ini. Saya suka supaya Menteri yang berkenaan dapat memberikan jaminan di dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan negara kita sedang menghadapi ancaman komunis dan hari ini saya membaca surat-khabar suatu suara daripada suara liar, radio liar telah dapat diambil, ditangkap di Tokyo dan suara itu berkata bahawa gerakan pembebasan telah berjaya di dalam usahanya menghancurkan musuh-musuhnya iaitu Tentera-tentera Malaysia di Raub. Saya rasa, perkara ini walaupun kita ketawa mendengarnya kerana sebenarnya itu adalah propaganda semata-mata, tetapi propaganda ini akan meninggikan moral orang ini di luar negeri, mengatakan bahawa gerilla ataupun gerakan-gerakan komunis, pegganas-peggnas komunis telah mendapat perhatian dan telah bergiat semula di negara kita ini.

Saya rasa, di dalam usaha menghapuskan kegiatan komunis bukan sahaja kita menghadapi mereka itu dengan psychological warfare, tetapi patut juga kita melengkapkan tentera-tentera dan asykar-asykar kita serta pasukan-pasukan hutan kita dengan senjata-senjata yang lebih moden, yang lebih senang, yang lebih mendatangkan kesan kepada mereka itu. Jangan kita membeli senjata-senjata yang sekira-kiranya dua tiga kali ditembak, dia jem, tidak boleh hendak ditembak.

Saya rasa saya tidaklah ahli di dalam soal senjata-senjata ini tetapi boleh kita perhatikan sendiri bahawa senjata yang digunakan oleh tentera-tentera kita ini kadang-kadang sudah sampai saatnya diperbaiki. Sudah sampai saatnya kita cari jalan bagaimana senjata-senjata yang boleh digunakan oleh tentera-tentera kita itu senjata yang ringan dan yang tidak mendatangkan bahaya kepada mereka.



Saya suka menyentuh sedikit-sedikit sahaja mengenai soal hasil dalam negeri. Baru-baru ini saya dikejutkan oleh seorang kawan yang mengatakan kepada saya bahawa Jabatan Hasil Dalam Negeri ini kadang-kadang tidak begitu dapat bertimbang rasa dengan pembayar-pembayar cukai. Misalnya, si A dikenakan membayar cukai pendapatan, katakanlah \$1,200 setahun. Si A ini mengaku akan membayarnya kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri sebanyak \$1,200 tetapi dia tidak dapat membayarnya sekali gus. Kata-nya, saya terpaksa membayarnya beransur-ansur oleh kerana anak saya banyak dan banyak perkara yang hendak saya beli. Saya hendak membayarnya \$100 sebulan dan saya hantarkanlah cek saya ini untuk 12 bulan. Kuta kawan saya itu cek-cek ini semuanya dipulangkan balik kepada si A dan Jabatan Hasil Dalam Negeri ini mengatakan awak mesti membayarnya dalam tempoh 4 bulan, tak boleh lebih daripada 4 atau 3 bulan dan dibayar \$400 atau \$300 sebulan dan kalau awak tidak bayar, awak dikenakan bayar bunga (interest) mengikut peraturan Undang-undang Cukai Pendapatan dan sebagainya.

Saya suka menarik perhatian bahawa negara kita ini makmur dengan hasil-hasil barang dan pembayar-pembayar cukai. Apa salahnya orang itu sudah mengaku hendak membayarnya, berilah kelonggaran kepada dia setahun, setahunlah; tetapi jangan lebih pada tahun itu tidak juga baik. Kalau dia kata bayar pada cukup bulan biarlah, asalkan dia bayar. Tetapi saya rasa kelonggaran yang seperti ini hanya terserah kepada pegawai-pegawai dan pentadbir-pentadbir yang ditugaskan. Saya menarik perhatian kepada pegawai-pegawai yang berkenaan supaya bertimbang rasa kepada mereka yang sanggup membayarnya tetapi secara beransur-ansur.

Akhirnya, saya suka mengulangi balik apa yang disebut oleh Yang Berhormat Datuk Syed Kechik bin Syed Mohamed di dalam ucapannya dalam Kajian Rancangan Malaysia Kedua dahulu mengatakan bahawa kita telah pernah mendengar supaya di Kuala Lumpur ini kita mempunyai suatu Pasaran Getah. Kita pindahkan. Kita buat Kuala Lumpur ini suatu Pasaran Getah di mana setiap orang akan berlumba dan di dalamnya bumiputra misalnya yang selama hari ini tidak mengetahui soal-soal pasaran getah ini, akan dapat mencampurkan diri di

dalam Pasaran Getah yang kalau hendak diadakan di Kuala Lumpur seperti yang diumumkan oleh Kerajaan beberapa bulan yang lalu.

Kita hendak tahu daripada Kementerian ini barangkali Kementerian Perusahaan Utama ataupun Kementerian Perdagangan dan Perindustrian saya tidak tahu, sejauh manakah pengumuman Kerajaan hendak mengadakan Pasaran Getah di Kuala Lumpur ini telah dilaksanakan. Se jauh manakah Pasaran Getah di Kuala Lumpur ini telah memberi peluang ataupun telah ditubuhkan dan dengan kerananya memberi peluang kepada orang-orang yang berminat untuk mencampuri Pasaran Getah. Tetapi apa yang saya dapat tahu seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk Syed Kechik bahawa ada pihak-pihak yang tertentu (vested interests) ada yang mempunyai hak ataupun kepentingan-kepentingan peribadi, kepentingan-kepentingan perdagangan sedang memikirkan bagaimana cara hendak menghalang Pasaran Getah ini dicampuri oleh orang lain dan mengganggu kepentingan mereka. Sudah ada ikhtiar bagaimana menghalang orang yang hendak mencampuri Pasaran Getah ini.

Saya tidak tahu samada benar atau tidak, tetapi Kementerian yang berkenaan patut mengambil tahu benarkah atau tidak ada golongan-golongan yang mempunyai kepentingan di dalam perniagaan pemasaran getah ini sedang menjalankan usaha-usaha bagi menghalang pembangunan Pasaran Getah di Kuala Lumpur dengan menyekat kemasukan-kemasukan orang-orang luar, orang-orang baru dalam bidang perniagaan pemasaran getah dengan mengenakan beberapa syarat yang ketat.

Umpamanya bagi perniagaan bahagian broker getah. Tindakan-tindakan dan usaha-usaha menghalang yang telah diambil oleh pihak-pihak yang tertentu ini telah menyekat orang-orang baru yang hendak masuk bertanding dalam perniagaan broker getah dengan mengeluarkan peraturan-peraturan baru, sekatan-sekatan baru bagi menjadi ahli persatuan perniagaan mereka. Nampaknya soal ini hendak dimonopoli oleh sesuatu golongan sahaja. Serupalah seperti yang saya katakan sebentar tadi bijih timah ini dimonopoli oleh satu golongan dan kemudian bila berlaku kemalangan rakyat yang menangungnya, negara menangunginya,



Menteri menanggungnya, tetapi untung mereka dapat dan malang ditanggung beramai-ramai. Jadi, nampaknya dalam usaha pemasaran getah pun demikian. Kalau hendak untung, sekat orang yang masuk, kalau berlaku sesuatu kerugian ditanggung beramai-ramai. Kerajaan hendaklah memberikan subsidi begitu begini. Ini saya rasa tidak adil. Monopoli di dalam soal-soal yang seperti ini tidak adil berbanding kepada rakyat kita yang mempunyai kebun-kebun kecil di Malaysia ini nampaknya pun banyak juga yang saya rasa sudah sampai saatnya mereka yang mempunyai pengalaman di dalam soal bidang broker Pasaran Getah patut memberikan peluang yang sewajarnya kepada golongan-golongan yang berminat di dalam soal-soal ini.

Peraturan-peraturan yang saya telah diberitahu selain daripada ahli-ahli asli daripada persatuan yang tertentu itu atau founder members, ahli persatuan itu akan dihadkan untuk orang-orang atau firma-firma atau syarikat-syarikat yang mempunyai modal yang telah dibayar tidak kurang daripada \$250,000. Kalau begitu disyaratkan, orang kaya sahajalah yang boleh berniaga, orang miskin tak boleh, orang yang tua tak boleh, orang bumiputra yang hendak berminat tak dapat. Di mana hendak dicari \$250,000? Sekatan-sekatan ini merupakan seakan-akan golongan ini hendak monopoli hak untung mereka. Adakah Kerajaan sanggup memecahkan monopoli ini? Dan salah satu daripada pengarahnya, kalau diadakan pengarah, mempunyai tidak kurang daripada 3 tahun pengalaman. Kenapa mencari seorang pengarah yang boleh mencari 3 tahun pengalaman, kalau dia baru hendak tubuhkan syarikat itu atau dia baru hendak masuk. Bagaimana dia hendak cari 3 tahun pengalaman? Tuan Yang di-Pertua sendiri pun tak boleh masuk ke sana, sebab Tuan Yang di-Pertua tak ada pengalaman di dalam soal getah. Jadi, siapakah yang mempunyai pengalaman? Yang mempunyai pengalaman ialah taukeh-taukeh ataupun tycoon yang ada sekarang. Kalau hendak dilepaskan keluar tidak boleh, sebab tidak ada pengalaman. Adilakah ini? Kalau ini tidak adil, bagaimanakah Kerajaan hendak bertindak dalam soal-soal yang seperti ini? Biarlah pembahagian rezki itu adil. Ahli-ahli persatuan ini pula dikehendaki menjalankan perniagaan broker getahnya di dalam tempoh 6 bulan perlantikan menjadi ahli. Bila sudah

6 bulan, dia mesti menjalankan usaha. Sekiranya perniagaannya tidak diuruskan dalam tempoh 6 bulan, Tuan Yang di-Pertua, bukan panjang, sebab dia hendak cari tempat, cari orang, cari kerani, receptionist, talipon dan sebagainya. Kalau dalam masa 6 bulan dia tidak buat, keahliannya ditolak dan dibatalkan. Tiap-tiap ahli baru persatuan itu pula akan membayar kemasukannya sebanyak \$5,000. Kalau saya hendak masuk menjadi ahli dikenakan \$5,000, buat apa saya masuk, lebih baik saya masukkan wang saya dalam bank, 6% saya dapat. Kalau saya masuk di situ \$5,000 sebagai ahli sahaja dan kedudukan saya boleh dibatalkan dalam masa 6 bulan, buat apa saya invest duit saya \$5,000. Jadi, hal ini nampak oleh kita bahawa usaha mereka yang tertentu ini bukan hendak memberi peluang kepada orang-orang yang berminat, tetapi cuba hendak menyekat orang yang berminat dengan dikenakan syarat-syarat yang begitu ketat, yang begitu tidak menasabah dan tidak adil, sedangkan sebelum pengumuman Kerajaan hendak mengadakan Pasaran Getah di Kuala Lumpur ini, keanggotaannya hanya dikenakan \$100 sahaja. Saya pun boleh masuk kalau \$100. Dua hari elau Dewan ini saya boleh menjadi ahli persatuan itu. Tetapi, sekarang setelah diumumkan Pasaran Getah hendak dibuat di Kuala Lumpur, maka dinaikkan yurannya dari \$100 kepada \$5,000. Adilakah ini? Jadi, saya bertanya benarkah ini atau tidak? Saya minta Menteri yang berkenaan menjawab di dalam Dewan ini. Kalau benar, apakah tindakan Kerajaan untuk memecahkan monopoli ini supaya jangan ada satu golongan yang mempunyai kepentingan hanya kepada golongan-golongan mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, yang penghabisan sekali, perkara yang saya hendak cakapkan ini walaupun rasa saya tidak boleh sentuh soal ini di dalam Parlimen samada dalam Dewan Negara atau dalam Dewan Rakyat, tetapi izinkanlah saya bercakap berkenaan dengan Suruhanjaya Pilihanraya. Saya tidak menyentuh soal perkhidmatan mereka itu, tetapi saya merayu bahawa Jabatan Suruhanjaya Pilihanraya ini adalah satu-satunya Jabatan yang menentukan demokrasi berjalan di dalam negeri ini dengan sihat. Tetapi malang, Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang orang yang patut mengundi tahun yang sudah ada namanya di dalam buku pendaftaran, tahun ini tidak ada. Siapakah

yang memotong—wallahualam. Saya tentulah mengatakan bahawa yang memotongnya Pegawai Pilihanraya yang ditugaskan menyemak buku undi itu. Saya rasa tidaklah adil untuk memotong seseorang pengundi namanya di dalam Daftar Pengundi dengan tidak diberitahu kepada orang itu, sebab seseorang yang tidak mempunyai hak mengundi ada ditentukan di dalam Perlembagaan, iaitu orang itu gila, mati atau dia sengaja tidak mahu. Tetapi sekarang dia mahu, dia tidak gila dan belum mati, kenapa namanya dipotong di dalam Buku Daftar? Ini berlaku di mana-mana pun. Di dalam Pilihanraya Kecil saya telah mengalami soal ini. Berapa banyak pengundi-pengundi yang katanya boleh mengundi, tetapi bila lihat dalam buku undi namanya sudah tidak ada lagi. Siapakah yang membuat kerja ini? Saya harap Suruhanjaya Pilihanraya akan meneliti soal ini supaya jangan tercacat demokrasi kerana perbuatan-perbuatan yang seperti iri.

Dengan demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini diluluskan dan semua soalan-soalan dan pandangan-pandangan saya yang patut dijawab dan patut mendapat penjelasan, saya harap Yang Berhormat Menteri-menteri ataupun Kerajaan memberikan penjelasan yang sewajarnya.

### 3.46 ptg.

**Datuk Mansor bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan, 1974 yang dibentangkan pada petang semalam. Saya rasa syukur kepada Allah subhanahu wa taala, kerana pada tahun ini kita dapat melihat satu Rang Undang-undang yang tentunya disambut baik oleh segenap lapisan masyarakat, tidak sebagaimana masa-masa yang lepas, ada kalanya mendapat tentangan dan kecaman yang hebat dari setengah-setengah golongan, tetapi pada tahun ini dengan adanya kelonggaran-kelonggaran dalam berbagai-bagai perkara yang terkandung dalam belanjawan kita ini, maka saya percaya pihak rakyat jelata sekalian merasa lega dan mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan.

Pada minggu yang lepas kita telah bersama-sama membahaskan Laporan Kajian Rancangan Malaysia Yang Kedua yang mana di dalam laporan itu kita akan dapati

kemajuan-kemajuan yang telah dicapai dari segenap segi pembangunan di negara kita. Begitulah juga dalam Anggaran Belanjawan yang dibentangkan sekarang ini, kita akan dapat melihat beberapa rancangan-rancangan yang besar projek-projek yang menguntungkan rakyat dan negara dikemukakan. Maka saya berharap di samping kita berbangga melihat kejayaan-kejayaan kita itu, kita masih perlu berhati-hati dalam melaksanakan perancangan projek-projek itu terutama sekali kepada kakitangan-kakitangan Kerajaan perlu meneliti dalam segenap segi sebelum projek-projek ini dilaksanakan untuk menjadi kenyataan. Perkara-perkara yang boleh merugikan rakyat dan perkara-perkara yang boleh membazirkan wang rakyat hendaklah kita ketepikan dan kita hindarkan. Walau bagaimanapun saya akui bahawa dalam masa kebelakangan ini perkara-perkara yang seumpama ini telah banyak dapat kita atasi, kalau adapun hanya sedikit-sedikit sahaja. Seumpamanya tiang Jambatan Temerloh yang runtuh baharu-baharu ini. Ini saya percaya barangkali pegawai yang berkenaan mungkin kurang teliti dalam membuat kajian berkenaan dengan kedudukan tanahnya (soil), hingga boleh menjadikan kerosakan sebelum boleh digunakan oleh orang ramai. Tetapi perkara-perkara kecil, kerja-kerja yang boleh mendatangkan pembaziran ini masih juga berlaku di sana sini dan saya harap pihak Menteri yang berkenaan akan mengambil perhatian dan mengingatkan pegawai-pegawai ini supaya jangan perkara-perkara ini berulang di masa-masa yang akan datang. Seumpamanya perkara-perkara memperbaiki jalan yang saya sebutkan di dalam soalan saya tiga empat hari yang lalu iaitu membina jalanraya dalam musim hujan (tengkujuh) yang mana usaha-usaha yang seumpama ini akan menambahkan perbelanjaan yang sia-sia yang boleh kita elakkan kalau kerja-kerja ini kita segerakan ataupun kita mulakan dalam masa awal tahun ataupun sebelum musim hujan tiba.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada perkara-perkara yang kecil ini, saya rasa bolehlah kita banggakan perkhidmatan pegawai-pegawai kita jika melihat kejayaan-kejayaan yang telah dicapai selama ini. Saya suka menyebutkan sedikit satu perkara kecil, tetapi masih berulang berlaku iaitu berhubung dengan kelicinan ataupun kesempurnaan perjalanan dalam Bahagian Jabatan Talikom iaitu talipon. Pada masa sekarang

kebaikan perkhidmatannya kita akui sehingga dapat panggilan-panggilan seberang laut dengan jelas dan terang, tetapi masih ada lagi di kalangan kakitangannya yang bekerja sambil-lewa, yang tidak bekerja dengan penuh tanggungjawab untuk memberi perkhidmatan yang sempurna kepada pengguna-pengguna. Perkara ini terpaksa saya sebutkan kerana bukan satu perkara yang boleh dibiarkan kadang-kadang mustahak bagi orang ramai terutama sekali kalangan-kalangan peniaga dan lain-lainnya. Sebagai contohnya, saya boleh nyatakan di sini, pada 7-1-74 jam 5.00 petang, saya sendiri telah mengalami perkara ini. Saya cuba minta panggilan talipon di luar bandar Kuala Lumpur iaitu sejauh lebih kurang 20 batu, Rawang No. 3. Saya mengangkat talipon dan dail 101, kemudian saya tunggu satu minit, dua minit, tiga minit, lima minit tidak siapa yang bertanya; bunyi deringnya sahaja berterusan. Saya letak. Tidak berapa lama saya angkat lagi, begitu juga kejadiannya, yang kedua, yang ketiga sehingga sampai 25 minit saya menghabiskan masa di talipon itu tidak ada pertanyaan daripada operator. Akhirnya bila saya cuba dail 103 ada jawapan. Saya bertanya kenapa hari ini operator bercutikah? Dia menjawab, minta maaf kami dua orang sahaja. Saya beritahu dia yang saya hendak minta panggilan luar daripada bandar. Dia menyuruh saya mengdail 101. Saya katakan 101 telah juga saya panggil selama 20 minit lebih tetapi tidak ada jawapan. Selepas dijawab terus diletakkan, tidak ada jawapan apa-apa langsung sehingga terus gagal panggilan yang sangat mustahak yang hendak saya sampaikan pesanan daripada orang jauh kepada saudaranya di Kuang. Itu sebagai satu contoh yang hendak saya sebutkan kepada Yang Berhormat Menteri.

Satu lagi perkara talipon yang saya rasa janggal sedikit ialah berhubung dengan perkara depositnya. Ada satu kejadian di Kuantan, satu syarikat yang menggunakan talipon ini membayar depositnya \$400 tetapi pada awal tahun ini pihak Jabatan Talikom telah menghantar surat menuntut supaya depositnya itu ditambah sebanyak \$700 lagi iaitu hampir dua kali daripada deposit yang sedia. Bila pihak orang ini menulis surat menyatakan tidak puashati kerana terlampau banyak tambahan yang dikehendaki sedangkan bayaran bulannya harga setinggi-tinggi beliau membayar \$100 hingga \$200 sahaja.

Pihak sipelanggan ini minta kalau hendak juga \$700 mintalah hendak dibayar dengan cara bank guarantee. Beliau mendapat jawapan yang bertulis daripada Ibu Pejabat Talikom, kalau hendak bayar dengan bank guarantee, kena bagi Bank Guarantee \$10,000. Ini barangkali, Tuan Yang di-Pertua boleh memikirkan dengan deposit \$700 yang hendak ditambah tetapi Bank Guarantee hendak \$10,000. Sedangkan kita sama-sama mengetahui Bank Guarantee kalau hendak \$10,000 sekarang mengikut peraturannya, kita kena taruh wang \$10,000 sebagai fixed deposit, baharu boleh. Kecuali orang-orang yang istimewa sahaja barangkali bolehlah kurang sedikit. Inilah satu dua contoh yang saya tunjukkan yang saya rasa patut diubah untuk memberi kemudahan-kemudahan kepada pengguna dan juga pembayar cukai.

Saya suka hendak menyentuh sedikit berhubung dengan perkara yang disebutkan dalam Laporan Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua, muka surat 21 Laporan itu menyatakan keadaan pendapatan kasar dalam tiap-tiap Negeri di Semenanjung Malaysia ini tidaklah sama, terutama sekali pendapatan kasar negeri di Negeri-negeri di Pantai Timur sangatlah rendah, kalau dibandingkan dengan Negeri-negeri di Pantai Barat. Negeri-negeri di Pantai Timur itu salah satu daripadanya ialah Trengganu. Negeri tempat saya lahir. Saya mengucapkan terima kasih kerana telah ada kesedaran tentang kekurangan yang terdapat di Trengganu dan perkara ini telah saya sebutkan berkali-kali. Saya minta kalau sudah ada kesedaran tentang kekurangan kemajuan di Negeri Trengganu ini, maka carilah jalan, ikhtiarlah cara-caranya supaya keadaan ini tidak berterusan, supaya nikmat kemajuan, kemakmuran dapat sama-sama dikecap oleh rakyat di Pantai Timur ini khususnya di Negeri Trengganu dan Kelantan.

Kalau kita selalu melihat siaran dalam akhbar tentang pertumbuhan industri-industri di merata-rata pelusuk tanahair, kadang-kadang berita dari Melaka mengatakan kilang elektronik dari Amerika, dari Jerman misalnya hendak didirikan di sana, kemudian berita daripada Negeri Sembilan, sehingga sudah penuh kawasan Senawang itu, tak ada tempat lagi. Di Perak pula berebut industrialis datang, di Pulau Pinang—Bayan Lepas yang dahulunya sawah padi, sekarang penuh di sekitar lapangan terbang Bayan

Lepas itu dipenuhi dengan kilang-kilang perusahaan. Tetapi di Trengganu sampai hari ini belum ada lagi kilang-kilang yang akan didirikan kecuali sebuah kilang plywood yang telah didirikan semenjak 3-4 tahun yang lalu.

Kerajaan Trengganu sendiri telah berikhtiar menyediakan kawasan-kawasan industri ini dari semenjak dua tahun yang lalu, di Kuala Trengganu, di Kemaman dan di tempat-tempat lain, tetapi sayang, tidak ada orang-orang yang datang membuka kilang, maknanya seolah-olah kalau dikatakan anak maka anak dara Trengganu ini tidak disukai oleh orang dari Kuala Lumpur untuk meminangnya, entahlah, hendak dikatakan buruk, cantik juga, tetapi barangkali cuma tak pandai hendak menarik perhatian, tak pandai hendak berdandan supaya menarik minat orang dari Kuala Lumpur ataupun kurang sexy dan sebagainya.

Kita sedar, perkara ini kita ketahui sekarang. Sebab-sebabnya ialah kerana beberapa faktor yang penting yang diperlukan untuk menarik minat pengusaha-pengusaha itu tidak boleh didapati di Negeri Trengganu, sukar didapati, satu daripadanya jauh daripada pelabuhan. Bila dikatakan jauh daripada pelabuhan mereka itu takut barang-barang pengeluaran mereka terpaksa menggunakan transpot yang jauh dan memakan belanja yang banyak dan bila memakan belanja yang banyak bererti kosnya juga jadi tinggi dan sukar hendak mendapat pasarannya.

Selain daripada itu kurang tenaga mahir. Ini juga akan melibatkan kesempurnaan pengeluaran dan yang paling nyata sekali, kurangnya khidmat asas dan kemudahan-kemudahan lain yang boleh mengatasi kekurangan di atas termasuk seperti bekalan air, tenaga letrik dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sudah sampai masanya satu usaha yang intensif mestilah dijalankan di Trengganu untuk menarik pelabur-pelabur ke sana. Khidmat-khidmat asas dan kemudahan-kemudahan yang lebih istimewa hendaklah diadakan seumpamanya melonggarkan ataupun melanjutkan masa pioneer status mereka atau sebagainya. Kita sendiri boleh membuat kesimpulan, jikalau misalnya Kerajaan memberi peluang kepada kita: "Kalau syarikat tuan hendak membina sebuah

kilang di Kuala Lumpur pioneer status yang boleh diberikan oleh Kerajaan ialah 5 tahun dan boleh dilonggarkan sehingga 8 tahun, tetapi kalau syarikat tuan hendak berhijrah ke Pantai Timur, Kerajaan akan memberikan pioneer status sampai 10 tahun." Saya rasa barangkali kalau diberikan pilihan yang demikian juga pihak swasta itu tentu akan memilih Kuala Lumpur, Perak atau Negri Sembilan umpamanya, kerana keadaan kemudahan-kemudahan lain yang lebih banyak yang saya sebutkan tadi. Kalau begini keadaannya, maka mestilah dicari satu jalan yang lebih lagi yang boleh menarik lebih minat kepada kalangan swasta ini supaya datang ke Pantai Timur dengan apa cara sekalipun dan hanya dengan jalan usaha yang bersungguh-sungguh itu sahajalah maka keadaan yang tak seimbang ini akan dapat diatasi. Masalah kemiskinan di Pantai Timur adalah nyata diketahui oleh semua golongan yang kebanyakan penduduk di sana menjadi sebagai nelayan, dan petani yang usahanya boleh dikatakan kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang. Kalau kita memikirkan keadaan pada masa ini dalam masa inflasi yang menjadi-jadi ini ada setengah daripada mereka itu yang berjumpa nasi sekali sahaja sehari. Harga beras telah melambung hampir dua kali ganda daripada tahun lepas dan juga barang-barang keperluan yang lain. Kelapa misalnya, di Trengganu dahulu tak lebih daripada 10 sen sebiji di pasar-pasar dan kalau di kampung-kampung kita boleh beli dengan harga 6 ataupun 7 sen sahaja, tetapi pada hari ini kalau tak bawa 40 sen tidak akan dapat kelapa di kampung, dan 50 sen sebiji harga di pasar. Inilah yang telah berlaku pada hari ini. Begitu juga cabai ataupun Lada Cina kata orang Trengganu. Kalau dahulu orang datang dari Trengganu kalau ada anak-anaknya bekerja di sini, dia akan bawa dalam bungkusnya cabai, lada, timun dan sebagainya, buah-tangan untuk anak menantunya di sini. Tetapi pada hari ini terpaksa kalau orang itu datang melawat anak menantunya di sini, dia membeli cabai di pasar Kuala Lumpur dibawa balik ke Trengganu. Ini adalah satu perkara yang anih tetapi benar. Lada Cina sekarang di Pasar Trengganu 5 biji 20 sen. Kerana apa? Ini kerana musim banjir baru-baru ini dilanda oleh air, jadi segala tanaman mati melainkan tinggal di tanah-tanah tinggi sedikit sahaja yang sayur-sayurannya dapat

hidup. Dengan sebab itu harga sayur-sayuran naik, ditambah dengan harga beras yang naik, semua barang naik harga, jadi budget mereka terpaksa makin menurun, tak dapat hendak memenuhi keperluan perut, apatah lagi keperluan yang lain-lain termasuk perbelanjaan membeli buku-buku untuk anak-anak sekolah dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya haraplah benar-benar apa yang saya sebutkan ini adalah sebagai merupakan suara rayuan daripada pihak rakyat ataupun penduduk Negeri Trengganu. Memohon pertolongan, memohon daya usaha daripada pihak Kerajaan untuk membaiki keadaan kekurangan-kekurangan yang berlaku di Trengganu sekarang ini. Tuan Yang di-Pertua, bukanlah bererti bila saya berkata demikian pihak Trengganu langsung tidak berbuat sesuatu atau hanya berpeluk tubuh atau berdiam diri sahaja. Pihak Kerajaan ada berusaha dengan cara-caranya yang tersendiri untuk memajukan negeri dan rakyat Trengganu. Dengan tertubuhnya Badan-badan Berkanun seperti S.E.D.C. dan baharu-baharu ini ditubuhkan pula Trengganu Tengah ialah dengan tujuan dan cita-cita untuk memajukan dan membuka negeri Trengganu supaya dapat Negeri Trengganu mengikuti kemajuan-kemajuan yang sedang dinikmati oleh jiran-jirannya negeri-negeri yang lain. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kemajuan atau perjalanan badan-badan ini adalah tidak ragu-ragu saya sebutkan ibarat perjalanan penyu, bukan ibarat penyu bertelur. Penyu bertelur banyak, tetapi dia berjalan slow terlampau lambat. Saya tidak tahu di mana silapnya dan di mana salahnya. Kemajuan yang hendak dibuat terpaksa diulang-ulang tahun demi tahun, kenyataannya sangat sedikit yang boleh kita lihat. Kelambatan-kelambatan ini berlaku mungkin daripada beberapa segi dan beberapa sebab, maka itu juga saya harap walaupun perkara ini pahit terpaksa saya nyatakan, mungkin dengan sebab kita di Trengganu masih kekurangan pegawai-pegawai yang cukup mahir dalam masalah-masalah kemajuan ini. Saya harap, kekurangan-kekurangan, kepada pihak Kerajaan Pusat tolong memperbaikinya. Kalau diibaratkan kereta kurang laju, lambat sampai ke tempat yang dituju mesti ada slacknya samada piston rosak ataupun minyak tersumbat sedikit ataupun drebar-nya kurang cekap, dia terpaksa berjalan

slow, tidak berani berjalan deras. Sekiranya drivernya tidak cekap, jangan dikira siapa driver ini, mesti ditukar, cari drebar yang lebih cekap. Ini yang saya kehendaki, tolong hantarkan pegawai-pegawai yang cekap dan berpengalaman daripada Pusat supaya dapat kita baiki keadaan-keadaan yang tidak menyenangkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, baharu-baharu ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menyatakan niat dan hasrat Kerajaan untuk menolong mempercepatkan lagi penyertaan bumiputra dalam bidang-bidang perniagaan dan perusahaan. Salah satu daripada usaha-usaha ini ialah untuk mendapatkan persetujuan daripada kalangan-kalangan swasta, kalangan pengilang-pengilang supaya memberi ataupun menyalurkan barang-barang dagangan dan barang-barang pengeluaran mereka setakat 30% melalui peniaga-peniaga bumiputra. Saya mengucapkan tahniah kepada Timbalan Perdana Menteri yang telah mengambil inisiatif ini, dan telah mendapatkan pengakuan dan kesanggupan daripada pihak-pihak swasta ini untuk melaksanakan cita-cita dan kehendak-kehendak Kerajaan ini. Cita-cita untuk menseimbangkan keadaan ekonomi bumiputra di negara kita sekarang ini. Saya berharap kepada pegawai-pegawai yang bertugas dalam bahagian ini yang ditugaskan untuk memerhati dan mengawasi pelaksanaan ini dijalankan dengan sempurna supaya lebih berhati-hati lagi, kerana pihak kalangan swasta ini tentu bukan semuanya jujur, ada setengah-tengahnya akan mencari jalan untuk mengkhianati cita-cita Kerajaan dan akan mencari jalan untuk menyeleweng daripada perkara-perkara ini dapat dilaksanakan dengan licin dan baik. Saya tunjukkan satu contoh iaitu tidak berapa lama dahulu sebuah syarikat hendak memberi pembahagian makanan kanak-kanak kepada satu syarikat bumiputra di Trengganu, bahkan bukan bumiputra lagi, tetapi syarikat yang modalnya dipunyai oleh Kerajaan Trengganu sendiri, tetapi syarat yang dikenakan untuk menjadi penderang tunggal ini tidak dapat ditelan oleh orang sebarang. Dengan barang-barang penderangan di Trengganu masa yang lepas tidak sampai pun \$30,000 sebulan penjualannya, tetapi dikehendaki bank guarantec sebanyak \$80,000 untuk mendapatkan ajensi ini. Sebagaimana saya katakan tadi bank guarantee ini mengikut peraturan yang

ditetapkan oleh Bank Negara sendiri, kalau hendakkan \$80,000 maka \$80,000 juga yang mesti ditaruhkan sebagai fixed deposit dalam bank baharu dapat bank guarantee \$80,000. Kalau kita ada \$80,000 barangkali tidak guna kita masukkan dalam Bank, kita beli cash terus. Saya rasa inilah salah satu cara yang mereka mempunyai tujuan yang lain di sebalik kehendak peraturan-peraturan dan syarat-syarat itu. Apa salahnya kalau barang itu berharga \$30,000 minta sahaja deposit \$30,000 seimbang dengan harga barang yang hendak diambil, tetapi dia hendak \$80,000. Begitulah sampai kehari ini belum selesai kerana bank sendiri tidak dapat hendak mengeluarkan bank guarantee \$80,000 selagi syarikat itu tidak menaruh deposit \$80,000. Ini sebagai satu contoh yang saya tunjukkan. Mungkin ini juga akan berlaku kepada pengedar barang-barang yang lain lagi, mereka akan berkehendakkan bank guarantee yang berlipat ganda daripada harga barang-barang yang hendak disalurkan. Kalau ini berlaku, maka ini tidaklah bererti hendak menolong melancarkan cita-cita Kerajaan bagi menimbulkan peng-usaha-pengusaha ataupun peniaga-peniaga bumiputra sebagaimana yang dicita-citakan oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka menyebut sedikit berkenaan dengan buku-buku sekolah. Banyak rakan saya telah menyebutkan perkara ini, tetapi saya hendak nyatakan lain sedikit iaitulah berhubung dengan ketiadaan atau kekurangan buku-buku ini. Pada dua hari yang lepas kalau kita baca dalam akhbar, kenyataan ada dikeluarkan oleh persatuan penerbit buku-buku pelajaran mengatakan pada hari ini semua buku telah cukup serta ada di pasaran dan tidak ada sebab katanya di Kuala Lumpur buku tidak ada lagi. Saya suka menyatakan di sini kenyataan itu tidak benar—bohong, sebab kebetulan saya sendiri adalah seorang penjual buku semenjak lebih daripada 10 tahun yang lalu, bukan baharu. Masih banyak buku yang kurang, tidak ada, belum siap, masih ada lagi dapat jawapan yang bertanda "R.P." maknanya reprint, "O.S." maknanya out of stock dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya hendak sebutkan di sini bukanlah masalah belum siap dan sebagainya, tetapi saya hendak sebutkan kenapa dan apa yang patut dibuat untuk mengatasi kekurangan-

kekurangan yang berlaku, yang berulang bertahun-tahun lamanya; masalah-masalah yang serupa ditimbulkan setiap tahun. Saya rasa kesalahan ini tidak boleh semata-mata kita bebankan kepada pembekal-pembekal dan kepada penerbit-penerbit; kesalahan ini juga patut dibebankan kepada Kementerian Pelajaran sendiri. Apa sebab saya katakan begitu. Perkara ini telah berlaku berulang-ulang, bertahun-tahun, si penerbit kita sudah ketahui adalah orang yang berniaga hendak mencari untung. Sebelum dia mencetak satu-satu buku dia mahu ketahui adakah buku ini digunakan oleh sekolah atau tidak. Kalau belum tentu digunakan oleh sekolah-sekolah. Saya tidak fikir dia akan mencetak seberapa banyak yang dikehendaki. Jadi, dia akan menunggu bila senarai buku-buku sekolah dikeluarkan. Apa yang berlaku setiap tahun, bulan Oktober, bulan November baharu dikeluarkan book list yang tidak digunakan, dalam bulan Disember masa cuti kanak-kanak mula membelinya. Jadi kalau bulan Oktober, bulan November baharu keluar book list, penerbit yang ada berpuluh-puluh titles berebut-rebut melihat berapa title pengeluarannya, ada yang 10 titles, ada yang 20 titles satu-satu syarikat atau kompeni, dan mengkaji berapa buah sekolah yang menggunakan bukunya, kalau sebuah sekolah sahaja menggunakan bukunya sudah tentu dia tidak akan cetak. Kalau banyak yang hendak menggunakannya baharulah mereka berebut-rebut menghantar kepada printers atau pencetakan.

Kita sendiri dapat bayangkan, kalau ada 20 penerbit masing-masing ada mempunyai 10 atau 15 titles, masa itu serentak menghantar kepada printers untuk mencetak buku-buku ini hendak digunakan dalam bulan Januari mana boleh siap, tentu tidak boleh siap kecuali baki buku-buku yang telah dicetak tahun lepas, tetapi bagaimana kalau bakinya tidak ada. Ini yang telah berlaku.

Yang kedua, kertas pula tidak mencukupi, kerana masing-masing berebut dalam satu masa serentak. Kalau hal ini kita sudah mengetahui kerana perkara ini patut diketahui, perkara yang telah berulang-ulang berlaku kita mesti mencari ubat, mencari jalan untuk mengatasi. Saya mencadangkan planning ataupun rancangan untuk menentukan jenis-jenis buku yang hendak digunakan oleh kanak-kanak sekolah itu mestilah

dilakukan setahun terlebih awal tiap-tiap tahun. Bererti untuk tahun 1975 sekarang kita mesti siapkan, rancangan daripada sekarang apa jenis buku yang hendak digunakan supaya dapat diberitahu siang-siang kepada penerbit untuk menyiapkan buku-buku lebih awal. Tidak lagi berebut-rebut dalam bulan Oktober, bulan November baharu hendak cetak, baharu hendak cari printers, baharu hendak cari kertas dan sebagainya. Kalau kita rancangkan awal-awal, insya Allah, semua pihak akan mendapat faedahnya, si penerbit, ibubapa, dan murid-murid dapat beli buku lebih awal. Bulan November semua buku sudah siap dicetak untuk tahun berikutnya. Orang-orang yang bergaji kecil boleh membeli buku anak-anaknya beransur-ansur tiap-tiap bulan.

Pada penjual dia tidak menjadi masalah, tidak ada buku dia tidak jual, kalau ada dia mesti jual seberapa banyak kerana dengan penjualan yang banyak itu baharu dapat untung. Kalau tiap-tiap tahun perkara ini berlaku berulang-ulang hanya dengan menyeru, meminta kerjasama daripada penerbit dengan tidak ada rancangan yang konkrit yang boleh mengatasi masalah ini, maka perkara ini tidak akan dapat diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya hendak sebutkan berhubung dengan perjalanan Jabatan-jabatan Kerajaan. Ada satu jabatan yang saya suka hendak tegur sedikit iaitu Jabatan Pendaftaran Negara. Saya tidak tau kenapa jabatan ini memproses satu-satu permohonan mengambil masa terlampau lama tidak dapat diselesaikan. Saya ada photostat copy resit penerimaan untuk permintaan dokumen-dokumen diambil bagi pendaftaran warganegara. Ceritanya begini. Ini kepunyaan seorang perempuan, namanya Zahrah yang diperanakkan di Negeri Trengganu, bukan diperanakkan di luar, kerana saya katakan begitu, dia ialah my own relative. Ini bukan perkara bohong. Beliau ini yang menjadi cerita kerana dia kahwin dengan seorang peranakan Singapura masa dahulu. Jadi dengan kerana itu jadilah dia rakyat Singapura. Barangkali masa mengambil kad pengenalan, saya pun tidak tahu cerita, sebab sudah terlampau lama. Tetapi beliau telah memohon kerakyatan kerana dia telah balik tinggal di Malaysia ini telah berpuluh tahun, bukan setahun dua, bahkan anak-anaknya sudah lulus sekolah semua

berjawatan dalam Malaysia ini. Seorang daripadanya menjadi Pegawai Pemasaran di P.K.N.S. sendiri, Encik Arifin namanya. Seorang lagi bekerja dalam S.E.D.C. di Kedah menjadi Pengurus Ladang Tebu dan seorang lagi anaknya menjadi pegawai di F.L.D.A., sekarang ini di Baling, kalau saya tidak salah. Beliau telah meminta kembali menjadi rakyat, dan ini suratnya. Tarikh dokumen ini diberi salinannya, 13hb Mei, 1970 bererti sudah 4 tahun, yang menyatakan di sini: "Resit ini hendaklah disimpan oleh peminta dan menunjukkannya bila membuat pertanyaan atau menuntut Sijil Kewarganegaraan. Peminta akan dipanggil datang ke pejabat ini untuk Ujian Bahasa dan sebagainya." Ujian bahasa itu tidak mengapa sebab dia orang Melayu. Apa yang saya maksudkan setelah diterima ini sampai hari ini tidak ada khabar berita lagi, sudah 4 tahun.

Ini satu lagi surat kepunyaan suaminya. Saya hendak bacakan surat daripada Pendaftar Johor Bahru:

"Pendaftaran Johor Selatan,

Johor Bahru,

10hb Januari, 1974.

Pendaftar Besar,  
Warganegara Malaysia,  
Petaling Jaya.

Permintaan Johor Bahru 1187/71—

Yusof bin Embong, Perkara 19 (1) (i)

Encik Yusof telah datang ke pejabat ini dan bertanyakan kedudukan permintaannya yang tersebut di atas yang telah dihantar-kan ke pejabat tuan pada 31hb Mei, 1971, sebagaimana surat penutup pejabat ini bilangan 21/PPJB/WNPJ. 19/A/I/71, sukacita saya sekiranya dapat tuan memberitahu peminta akan kedudukan permintaannya pada masa sekarang ini.

Sekian. Terima kasih.

s.k. Encik Yusof"

Inilah sebagai contoh buktinya daripada Jabatan Pendaftaran Johor sendiri menghantar permintaan kawan ini pada tahun 1971 bulan Mei, sampai dia berulang-alik sehingga hari ini tidak ada jawapan. Saya tidak tahu ini siapa yang bertanggungjawab—Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri barangkali yang bertanggungjawab. Saya harap perkara-perkara yang seumpama ini tolonglah sedikit



segerakan, kerana ada kalanya perkara-perkara dokumen-dokumen yang seumpama ini sangat perlu dan penting bagi penghidupan mereka, penghidupan rakyat—ada sebab-sebab yang dikehendaki. Kalau tiap-tiap permintaan ini dipendamkan, didiamkan begitu sahaja melainkan pada orang-orang yang berdekatan di sini barangkali yang boleh berulang-alik setiap minggu ke pejabat ataupun orang-orang besar dia malu-malu sahaja baharu dapat dicepatkan, ini adalah satu tindakan yang tidak adil yang boleh menyusahkan dan boleh menimbulkan rungutan kepada rakyat jelata, yang salah, yang akan menerima akibatnya adalah Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya suka hendak menyebutkan ialah berhubung dengan perkhidmatan MAS. Walaupun pada hari semalam telah dibangkitkan oleh saudara-saudara saya yang lepas saya juga sukalah hendak merayu iaitu perkhidmatan penerbangan MAS ke Trengganu sekarang, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan telah diadakan setiap hari, yang dahulu hanya tiga kali seminggu sahaja, tetapi telah ada sekarang ini setiap hari cuma masanya sahaja, kadang-kadang yang ada direct dan ada yang indirect. Tetapi apa yang perlu yang saya hendak sebutkan di sini ialah berhubung dengan tambang. Daripada Kuala Trengganu ke Kuala Lumpur tambangnya \$55, daripada Kota Bharu ke Alor Setar tambangnya \$46 tetapi daripada Kuala Trengganu ke Kota Bharu tambangnya \$29. Saya tidak tahu kenapa perbezaan yang begini jauh sekali, dari Kota Bharu ke Kuala Trengganu tambang teksi hanya \$5, sebelum heboh-heboh naik sekarang, sekarang ini orang sebok sangat kerana minyak naik, kerana spare-parts dan sebagainya dinaikkan \$6 kerana jauhnya hanya 100 batu jalan darat tetapi kapal-terbang \$29, sedangkan kapal-terbang daripada Kota Bharu ke Alor Setar yang begitu jauh hanya \$46—tambang ini adalah tidak seimbang, sedangkan kalau dikenakan tambang yang lebih murah, saya rasa lebih banyak orang akan menggunakan kenaikan ini bagi urusan harian mereka.

Saya juga suka merayu berkenaan dengan ura-ura hendak menaikkan tambang dalam negeri sebanyak 4% sebagaimana yang diumumkan. Saya rasa kapal-terbang pada masa ini telah menjadi satu kenderaan umum

yang mustahak bukan sahaja kepada kakitangan Kerajaan bahkan juga kepada ahli-ahli perniagaan yang sentiasa berulang-alik di antara satu tempat ke satu tempat. Mengejar masa berkehendakkan kepada cepat dan segera. Jadi apa salahnya pihak penerbangan ini tidak usah memikirkan sangat keuntungan yang lebih, tetapi supaya melebihi kepada kepentingan perkhidmatan bagi rakyat di negara kita ini. Untung terlampau banyak pun bukanlah faedahnya sampai kepada rakyat jelata, akan menjadi penyakit pula kepada pihak syarikat itu sendiri kerana barangkali pegawai-pegawai tingginya akan menuntut gaji yang lebih lagi atau lebih besar.

Baru-baru ini kalau tidak silap saya telah diwartakan di dalam akhbar keuntungan MAS ini lebih daripada \$9 juta dan kita juga menumpang berbangga di atas keuntungan yang besar ini. Dengan kerana keuntungan yang besar ini, saya harap tambang-tambang di dalam negeri jangan sekali-kali dinaikkan bahkan, kalau boleh, patut diturunkan lagi 10%, tetapi untuk perkhidmatan luar negeri—bolehlah, itu terpulanglah kebijaksanaan pentadbiran, dan tambang ini, saya percaya boleh dikurangkan kerana sekarang pun pihak penerbangan ada memberi tambang-tambang concession, tambang-tambang murah (group), penerbangan-penerbangan yang berkumpul anjuran ke luar negeri ada diberi potongan-potongan yang istimewa lebih daripada 10%, maka saya rasa dalam negeri juga boleh dibuat demikian, disifatkan sebagai perjalanan yang berkumpul beramai-ramai. Kurangkan tambang daripada yang biasa, supaya dengan jalan itu perkhidmatan akan lebih maju, dan boleh ditambah kapal-terbang lagi.

Perkara yang akhir, saya sukalah menyentuh sedikit berhubung dengan satu perkara yang belum lagi disentuh oleh rakan-rakan saya, saya suka hendak mengemukakan pendapat saya berhubung dengan Cukai Ekspot yang baru-baru ini diisytiharkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di atas kayu-kayu lapis, papan-papan yang telah digergaji, veneer dan sebagainya. Saya harap dengan keadaan yang ada pada hari ini cukai yang dikenakan begitu besar patut dikaji semula.

Menurut kenyataan yang diberi cukai ini dikenakan ialah dengan tujuan untuk mencegah inflasi dan juga supaya menjamin



supply yang cukup untuk kegunaan tempatan. Tetapi adakah benar tindakan ini boleh mengatasi masalah yang dinyatakan itu? Cuba kita sama-sama mengkaji kesan-kesan yang akan disebabkan oleh cukai-cukai ini. Cukai Ekspot yang dikenakan ini adalah dikira atas harga jualan ekspot, bukan dikira di atas keuntungan. Ini bermakna samada jualan itu rugi ataupun untung, cukai mesti dibayar.

Kalau misalnya saya menghantar ke luar untuk ekspot 100 tan misalnya kayu plywood dengan harga yang rugi dengan sebab barangkali tidak ada pesanan-pesanan kerana pengurangan-pengurangan order daripada luar negeri sekarang ini disebabkan krisis tenaga dan sebagainya, kalau saya rugi satu tan \$50.00 maka akan ditambah pula cukai 5% lagi di atas harga yang saya jual tadi, kalau saya jual \$400 setan, 5 x 4 sudah \$20.00 tambah lagi kerugian. Ini sebagai misalan, samada untung atau rugi cukai mesti dibayar. Kemudian cukai ekspot ini ditambah pula oleh harga barang-barang bahan mentah sekarang seperti gam, balak-balak, transport, tenaga letrik dan lain-lain maka cukai ini adalah memberikan kesan yang amat buruk di atas perusahaan plywood dan veneer di Malaysia pada hari ini. Belanja pengeluarannya telah menjadi melambung tinggi dan ini mungkin kita akan kehilangan pasaran di dunia. Mereka, yakni pembeli-pembeli itu akan berpaling tadah kepada negara-negara pengeluar yang lain seperti Singapura, Filipina dan lain-lain. Harga dalam Singapura mungkin lebih murah ataupun lebih rendah daripada kita sekarang, kerana mereka tidak dikenakan cukai ekspot, kita kena, sedangkan Singapura mengeluarkan barang yang serupa dengan kita, plywood dan veneer mereka dengan mendapat bahan-bahan mentah daripada Indonesia dan juga Malaysia sendiri dan keadaan krisis tenaga sekarang menambahkan lagi pula pukulan kepada perusahaan ini. Pengeluaran tidak lagi selancar dahulu. Pesanan-pesanan telah terhenti. Krisis tenaga ini menyebabkan negara-negara yang telah maju seperti United Kingdom, Eropah Barat dan Amerika serta lain-lain telah memotong rancangan-rancangan pembinaan mereka, sedangkan mereka ini adalah pembeli-pembeli tetap kayu-kayu pengeluaran kita, plywood dan veneer kita. Pesanan-pesanan untuk tahun 1974 masih belum ada kenyataannya pada hari ini, telah terhenti. Dengan kenyataan-kenyataan ini pengeluaran

telah mula berkurangan dan belanjanya bertambah, tetapi harganya telah turun.

Tuan Yang di-Pertua sendiri boleh membayangkan apa kesan-kesan ekornya dari akibat di atas. Kebanyakan kilang-kilang nanti akan mengurangkan masa kerja dan pengeluarannya yang bererti juga sedikit demi sedikit akan mengurangkan pekerja-pekerja dan ini bermakna menambahkan pengangguran. Pada masa ini ada lebih kurang 40,000 orang pekerja yang secara langsung dan juga pekerja-pekerja yang tidak langsung (direct and indirect workers) dalam perusahaan plywood dan veneer di negara kita. Kalaulah faktori-faktori ini mengurangkan 25% sahaja dari pekerja-pekerjanya maka sudah tentu 10,000 penganggur-penganggur baharu ini akan muncul. Kalau ini terjadi, saya bimbang tujuan asal Kerajaan yang hendak mencegah inflasi akan menjadi sebaliknya. Masalah pengguna tempatan pada masa ini tidak timbul. Dari penyiasatan saya pada akhir tahun 1973, (bulan Disember) ada lebih 100,000 kaki persegi plywood dalam simpanan faktori-faktori di negara kita. Oleh itu saya harap kepada Menteri yang berkenaan dan juga Kerajaan supaya mengkaji dengan sehalus-halusnya masalah ini jika didapati benar kenyataan-kenyataan yang saya sebutkan tadi maka saya harapkan ambillah tindakan segera bagi memperbikinya supaya perkara ini tidak terlambat, terutama sekali supaya pasaran plywood dan veneer kita tidak akan hilang ataupun didapati oleh orang lain.

Kemudian berhubung dengan papan-papan yang digergaji pula. Dahulu telah saya nyatakan sekali bahawa riah-rendah daripada pembina-pembina ataupun pemborong-pemborong tempatan kerana sukar mendapatkan bahan-bahan ini adalah satu perkara sementara sahaja. Kenaikan-kenaikan harganya yang berlaku ialah dengan sebab kenaikan di pasaran dunia. Pihak pengeluar lebih suka menjualnya ke luar negeri dengan sebab harganya yang lebih mahal, maka dengan kerana itulah saya mencadangkan dahulu supaya Kerajaan mengenakan syarat kepada tiap-tiap sawmillers itu menentukan sebahagian samada 10% ataupun dengan kiraan mata gergaji khas dipotong untuk kegunaan tempatan. Kalau tiap-tiap kilang disyaratkan demikian, saya percaya kekurangan tidak akan berlaku dan harganya juga tidak akan naik sampai jadi melambung tinggi sebagaimana yang berlaku sekarang

ini. Tetapi kali ini, saya suka mencadangkan lebih daripada itu iaitu untuk menjamin supaya papan-papan ini tidak kekurangan, maka eksport kayu balak ini hendaklah dihapuskan sama sekali. Saya cadangkan supaya di ban eksport kayu balak ini, tak usah dikira species lagi kecuali jenis yang langsung kita tidak gunakan di sini supaya dengan jalan ini kayu-kayu balak ini dapat kita proses di negara kita dan juga akan menolong membanyakkan pekerjaan, menolong mengurangkan pengangguran dan dengan jalan itu juga harganya juga akan turun kepada taraf yang lebih baik. lebih patut daripada keadaan yang ada pada hari ini kerana pada hari ini, sebenarnya pengilang-pengilang ini mengambil untung terlampau tinggi diatas papan-papan yang digergaji itu.

Pada akhirnya, saya suka menyentuh sedikit berhubung dengan ucapan yang dibuat oleh saudara saya Ahli Yang Berhormat wakil dari Sabah semalam, iaitu berhubung dengan buruh-buruh yang dihantar ke Sabah. Saya rasa perkara kedapatan setengah-setengah orang yang nakal ke Sabah. Ini tidak boleh hendak disalahkan kepada pihak Jabatan Buruh kerana mereka tidak tahu semasa mereka memilih, sebab tujuan kita memilih hendak pilih yang baik dan dalam kalangan yang ramai-ramai itu adalah satu dua yang nakal, jahat dan sebagainya. Ini adalah satu perkara yang biasa, di mana kalangan, juga akan ada. Apa bangsa juga kita boleh dapati. Sekarang, sebagaimana kata beliau di Sabah sendiri telah berlebihan pemuda-pemudanya yang keluar daripada sekolah-sekolah dan sukar juga untuk mendapatkan pekerjaan-pekerjaan.

Saya suka mengesyorkan kepada pihak Jabatan Buruh usaha untuk memindahkan pekerja-pekerja ke Sabah ini patut diberhentikan sahaja supaya dengan jalan itu tidak akan lagi timbul masalah perasaan kebencian rakyat di sana nanti kepada buruh-buruh kita yang kebetulannya nakal seperti saya sebutkan tadi hingga menimbulkan benci bukan sahaja kepada personal orang itu, tetapi bencinya kepada rakyat Semenanjung Malaysia. Ini yang saya takut. Kalau timbul perasaan benci kepada rakyat Semenanjung Malaysia dengan sebab satu dua orang yang membuat kacau tadi, maka perkara ini tentulah akan sangat mengesalkan sekali dan ini tidak akan dapat dicapai matlamat Kerajaan

kita yang hendak mengadakan sebuah negara yang aman damai, harmuni dan berbaik-baik di antara satu sama lain.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditempohkan sekarang selama 20 minit.

*Persidangan ditempohkan pada pukul 4.55 petang.*

*Persidangan disambung semula pada pukul 5.15 petang.*

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, untuk membolehkan lebih ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat dapat mengambil bahagian dalam perbahasan ini, saya merayu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk meringkaskan ucapan masing-masing supaya tidak lebih daripada 20 minit.

*5.16 ptg.*

**Datuk Chan Kwong Hon:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta kebenaran bercakap dalam bahasa Inggeris.

*(Dengan izin)* Tuan Yang di-Pertua, before I make my comments on the Budget, I would like to congratulate our Prime Minister, Yang Amat Berhormat Tun Haji Abdul Razak, for having displayed such remarkable wisdom, foresight, perceptiveness and resilience in tackling the many problems and challenges not only in the fiscal and economic fields, but also in the international affairs, in national development and in the implementation of the Second Malaysia Plan and the New Economic Policy. I am confident that all Malaysians from all walks of life will respond positively to the call by the Prime Minister and by both the Houses of Parliament to rededicate and fully commit themselves to the challenging task of ensuring the full accomplishment of the targets of the Second Malaysia Plan and the New Economic Policy, and thereby creating, in the spirit of Rukunegara, a just and equitable society and a united and progressive nation which we Malaysians shall all be proud to serve and defend with our lives.

Many Honourable Members have spoken on the multifarious aspects of the Budget and Government policy relating thereto, and

many more will be speaking on particular subjects. I shall, therefore, confine myself to drawing the attention of the Government to one important item which has a serious effect particularly on the gravel pump tin miners in this country, among whom there is an increasing number of Bumiputra enterprises. I refer to the cost of fuel oil which is a very significant factor in the cost of production of gravel pump mines which are high cost mines working on very low and diminishing grade of land.

The Government has recently further imposed a duty of 20 cents per gallon on fuel oil. This constitutes a great additional burden on the gravel pump mines.

As Honourable Members are aware, Malaysia has been able to maintain its pre-eminent position as the largest producer of tin in the world. This commodity brought in 130 million ringgit in export duty and 888 million ringgit in foreign exchange in 1973. The gravel pump mines produce 55 per cent of the total Malaysian tin production.

Since Malaysia is a net exporter of petroleum, it would be fair and equitable and also entirely economically feasible for the Government to forgo the additional duty on fuel oil. I sincerely request the Government to give favourable and sympathetic consideration to this matter. This will be one of the important actions, among others, that the Government can take to help the gravel pump miners and also to effect a reduction in the cost of living.

5.20 *ptg.*

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, di samping saya menyokong Rang Undang-undang ini bagi perbelanjaan tahun 1974, inginlah saya membuat beberapa syor untuk kebaikan kita bersama, dan saya juga akan cuba sedaya upaya sebagaimana kehendak Tuan Yang di-Pertua untuk memendekkan masa seboleh-bolehnya tidaklah sampai sehingga masa yang dikehendaki, tetapi kalau tak dapat dielakkan, saya terpaksa memanjangkan sedikit, tetapi walau bagaimanapun saya cuba ringkaskan sekadar yang boleh.

Masalah pertama yang akan saya sentuh berkenaan Kementerian Perhubungan iaitu masalah keretapi. Masa perjalanan keretapi dalam tinjauan saya tidaklah begitu ber-

sesuaian lagi tambahan pula daripada Padang Besar seterusnya sampai ke Butterworth, tetapi kita sama-sama tahu seboleh-bolehnya perjalanan keretapi hendaklah sambung-menyambung di antara satu stesyen besar dengan satu stesyen besar yang lain. Misalnya keretapi dari Kuala Lumpur sampai ke Seberang Prai kerap-kali boleh disambung sekurang-kurangnya ke Bukit Mertajam, dan sampailah ke Padang Besar, tetapi keretapi yang berjalan di sebelah pagi daripada Padang Besar saya nampak tidaklah sesuai kerana keretapi itu berjalan daripada Padang Besar mulai pukul 9 pagi. Jadi tentulah tak sempat penumpangnya hendak menyambung perjalanannya dengan keretapi ke Kuala Lumpur. Dengan sebab itu, saya syorkan supaya perjalanan keretapi itu seboleh-bolehnya berjalan dari Padang Besar mulai pukul 6 pagi. Pertama, membolehkan menyambung perjalanan ke Kuala Lumpur, dan kedua membolehkan budak-budak sekolah yang duduk di Padang Besar naik keretapi ke sekolah di Arau dan sekolah lain yang berhampiran dengan stesyen keretapi.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum di sepanjang batas keretapi terutama Kedah dan Perlis, kebanyakan yang menjadi lengkongannya ialah tanah-tanah bendang. Memandangkan padi hari ini sangat berharga, tanah-tanah itu tidak disia-siakan oleh penduduk yang berhampiran di situ, tetapi malangnya yang mendapat keuntungan yang diambil oleh orang yang menyeliakan batas keretapi, kata orang kampung Dore yang naik keretapi gerabak, dan dia telah berkira dengan orang-orang kampung dengan tidak begitu adil kerana setahu saya satu longkang keretapi dia cuma dibayar sewa \$12 tetapi malangnya diambil oleh Dore itu sampai \$50. Oleh sebab orang itu tidak ada bendang lain, terpaksa dibuat walaupun begitu mahal asalkan tidak rugi dengan pendapatannya. Dan setahu saya perkara ini boleh dirundingkan dengan penghulu mukim yang berkenaan untuk dibagi kepada orang kampung yang agak miskin dan susah. Saya harap kepada Kementerian yang berkenaan tolonglah timbangkan perkara tersebut.

Perkara ketiga, saya juga biasa naik keretapi macam kawan-kawan yang lain. Saya biasa bercakap dalam Dewan ini mengenai masa yang paling sibuk atau ramai orang menaiki keretapi ialah di hari-hari besar, hari cuti sekolah dan sebagainya. Pihak Jabatan yang berkenaan saya dapati

tidak berusaha menambah gerabak yang sesuai sehingga terpaksa penumpang tadi bergantung atas keretapi dan sebaliknya ada yang mengambil teket tak sempat naik keretapi, dan kadang-kadang kalau naik juga berbalik seperti di zaman Jepun, sampai atas gerabak keretapi pun orang naik dan hari ini sampai atas tangga naik keretapi. Yang anehnya keretapi itu dikatakan orang rugi, yang menaikinya banyak. Setahu saya keretapi ini menggunakan diesel, macam-mana boleh rugi? Kalau teksi boleh membawa 4 penumpang masih mendapat untung, penumpang-penumpang keretapi begitu ramai tetapi rugi. Saya pun berasa hairan dan ajaib. Agak saya harus salah dari segi pentadbiran dan boleh jadi pekerja-pekerjanya tak jujur kepada jabatan yang berkenaan. Saya berharap Kementerian berkenaan tolong siasat perkara tersebut dan tolong tambah gerabak di musim-musim cuti dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Tabung Haji. Zaman ini dikatakan zaman sains dan teknologi, berita di Mesir dapat diketahui dengan otomatik melalui radio dan sebagainya dan kita bersyukur kepada Kerajaan Campuran dan di dalam Tabung Haji ini ditambah begitu ramai pegawai untuk melicinkan kerja-kerja, tetapi malangnya seribu kali malang sebagaimana kata sahabat saya Ustaz Othman Abdullah semakin ditambah pegawai semakin kelim kabut. Ada bakal haji yang mati sehingga anak cucunya di sini tak dapat tahu sehingga berminggu-minggu. Yang anehnya biasanya mereka menunggu keluarganya hendak balik dari Mekah, tetapi bila sampai ke Pelabuhan, didapati yang pergi sudah tak balik, sudah meninggal, tetapi anak-cucunya tak dapat tahu, walaupun di sini kita ada banyak pegawai yang kita hantar dengan kapal haji itu. Apakah yang mereka buat? Saya amatlah sedih bila mendengar berita ini diceritakan oleh orang-orang yang pergi ke Mekah sehingga Pejabat Tabung Haji di Jeddah tak ada orang, selalu kosong. Jadi perkara ini memanglah benar sebagaimana kata kawan-kawan saya tadi, tujuan Tabung Haji diwujudkan untuk kebaikan sebagaimana maksud Tun Razak. Kita berasa kasihan kepada beliau terpaksa mengambil tindakan, campur tangan dalam berbagai hal tabung haji itu. Jadi kalau setiap hal sampai perkara pejabat di Jeddah pun Tun terpaksa campur tangan, orang mati dia hendak campur

tangan, walhal pegawai kita cukup, apakah ertinya pegawai kita begitu banyak? Saya berharap kepada pihak yang berkenaan tolonglah jalankan tugas dengan baik supaya tidak teruk sangat Perdana Menteri yang kita kasih ini.

Saya sentuh mengenai Yayasan Dakwah. Kita mengucap syukur kepada Tuhan dan saya ingin mengucapkan tahniah kepada dua orang yang telah dilantik menjadi Pengerusi dan Timbalannya iaitu Tan Sri Syed Nasir dan Tuan Haji Hassan Adli yang dahulu dikenal sebagai Panglima Jihad, hari ini dia menjadi Timbalan Pengerusi Yayasan Dakwah Islam. Kita berharap dengan lantikan itu akan membawakan harapan yang baik dan kejayaan yang cemerlang kepada agama Islam yang telah menjadi agama rasmi. Tetapi sebelum perkara ini saya sentuh selanjutnya, saya sukalah menyatakan sebagaimana yang dikatakan oleh saudara saya dalam beberapa hari yang lalu, kalau dalam askar kita adakan guru agama hanya untuk mengajar orang-orang yang berpangkat rendah, tetapi pegawai-pegawai yang berpangkat tinggi tak menjadi halangan untuk minuman keras dan sebagainya, dan kita istimewa pula dengan minuman keras dan sebagainya walaupun benda itu sangat diharamkan oleh agama. Perkara ini biasa juga berlaku di masa-masa yang lepas dalam Badan Pencegah Rasuah, kalau hendak menangkap orang yang bersalah ditangkap ikan bilis, ikan-ikan besar dilepaskan. Saya bimbang dalam soal agama kita buat seribu satu macam, tetapi disebaliknya itu pegawai-pegawai sendiri, lebih tepat saya katakan orang yang berpangkat atas tidak menjalankan tugas-tugas ini dan dengan itu kejayaan kita payah hendak tercapai. Kata pepatah Melayu: Bagaimana ketam hendak suruh anaknya berjalan betul sedangkan dia pun berjalan salah. Saya berharap sangat di atas rancangan Perdana Menteri melantik Tan Sri Syed Nasir dan Tuan Haji Hassan Adli, dan bukanlah saya bermaksud Tan Sri Syed Nasir sahaja, kepada pegawai-pegawai yang lain lagi dan seterusnya termasuklah kita juga Ahli Parlimen, sebagai orang yang diagung-agungkan oleh rakyat biarlah kita ubahkan diri kita dahulu, janganlah dikatakan bahawa kami ini berpangkat besar dan tinggi. Dan setahu saya di dalam agama, saya tidak begitu pandai, tetapi sekadarkan saya dapat tahu semasa peperangan Badar sesudah Nabi mendapat kejayaan, baliklah

dengan sukanya, kata Nabi walaupun kita berjaya dalam peperangan tadi, tetapi ada satu peperangan yang lebih hebat daripada peperangan itu, apakah peperangan tersebut? Peperangan tersebut, katanya ialah peperangan hawa nafsu. Ini yang lebih hebat dalam segala peperangan. Saya takut bila kita buat segala undang-undang, kita buat segala dakwah, tetapi masih ada di dalam tempat yang besar orang yang bersifat tidak menjalankan apa yang didakwahkan tadi. Sebagaimana kata akhbar ini, saya dengar daripada saudara-saudara bahawa saya cukup tertarik atas kata-kata Tuan Haji Hassan Adli, Timbalan Pengerusi, Yayasan Dakwah ini bahawa semangat sanggup berkorban terutama untuk mengembangkan dakwah agama. Cuba kita tenguk peringat dibawah ini. Ini betul. Kalau kita tidak sanggup berkorban, tidak sanggup melawan kehendak hawa nafsu kita, sedangkan kita hendak seru kepada orang lain, saya yakin cita-cita Kerajaan tidak akan tercapai. Maka dengan sebab itulah di dalam Dewan ini saya selalu berkata, saya amatlah sedih dan bukanlah saya kata saya ini pula seorang yang paling warak, atau seorang yang alim di dalam agama, tetapi saya cukup sedih dan dukacita kalau dalam satu Majlis, saya biasa berkata ada setengah orang kita mengadakan satu Majlis upacara Nuzul Quran bersyarah berapi-rapi, tetapi biasa kedapatan bukannya dia uzur, esoknya dia tidak puasa. Inilah yang dikatakan oleh Tuhan sungguh pun orang itu pandai bercakap, tetapi dia sendiri tidak menunaikan apa yang dia cakapkan. Inilah dia dipanggil masyarakat kita. Kita tidak mahu sifat begini. Kita mahu apa yang dikatakan mestilah dikotakan terutama pemimpin-pemimpin bukanlah yang kita maksudkan pemimpin Tun semata-mata atau pun Tan Sri Syed Nasir atau pun Tuan Haji Hassan Adli, walau pun pemimpin-pemimpin kecil ini ialah pemimpin-pemimpin yang pengikutnya banyak di negara kita.

Menyentuh soal ini juga, saya sukalah menyeru dan mengesyorkan bahawa Kerajaan perlu anjurkan perjumpaan-perjumpaan. Seminar-seminar Agama bagi mencari penyelesaian, tentang perkara-perkara khilafiah dan mencari jalan keluar daripada pertikaian. Perkara perlembagaan, agama bagi Negeri-negeri janganlah terikat kepada satu-satu mazhab sahaja. Ini saya teringat, bukan maksud saya menyentuh hal-hal Negeri, tetapi saya ucapkan tahniah kepada Datuk

Haji Wan Abdul Kadir di dalam ucapannya di Sungai Petani mengatakan bahawa janganlah terlampau fanatik dengan mazhab. Ini membawa perpecahan yang lama-kelamaan tidak mahu menggunakan akal, kerana agama kita, setahu saya sekadar yang saya belajar kepada guru-guru kampung tidak ada ilmu, tidak ada agama bagi orang yang tidak ada akal dan tidak ada akal bagi orang yang tidak ada agama. Jikalau tidak silap saya, agama walaupun mengaku tetap, tetapi tetap dengan akal. Saya contohkan misalnya arak dan judi. Walaupun benda itu diharamkan oleh Tuhan, tetapi bagi akal yang siuman walaupun benda itu tidak haram dia sudah tetap mengecap tidak boleh diminum, kerana bila minum dia mabuk, bila dia mabuk, dia lupa. Begitu juga berzina dan sebagainya. Sebab itulah saya dengar cerita daripada Tok Guru saya masa saya sekolah dahulu, mengapa yang dikatakan oleh Abu Bakar Al-Sidik, yang membenarkan segala apa yang dikatakan oleh Nabi kerana Abu Bakar berkata sebelum Muhammad mengeluarkan sesuatu perintah, maka pada pendapatnya bersesuaian, kalau benda itu haram, patut diharamkan, jadi sebab itulah kata Nabi tidak ada agama bagi orang yang tidak ada akal dan tiada akal bagi orang yang tidak beragama. Saya bukan hendak bersyarah tentang agama ini cuma saya ingin mengesyorkan satu dua contoh.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai imam-imam. Imam-imam di kampung ialah orang yang tidak bergaji, tetapi imbuhan hendaklah diberi oleh Kerajaan dengan kadar yang patut dengan cara Jabatan Agama Islam dan sebagainya. Imam bagi orang kampung walaupun dia tidak begitu pandai, tetapi bagi mereka perkara-perkara yang kecil-kecil adalah diambil berat misalnya tidak mahu pergi sembahyang orang mati, tidak mahu pergi makan kenduri dan sebagainya, walaupun dalam Perlis benda ini tidak ada, tetapi bagi setengah kampung itu ada berlaku. Ini cukup diambil berat oleh orang kampung. Dengan sebab itu imam patut diberi kursus, patut diberi latihan dan patut diambil orang yang betul-betul bertanggung jawab. Ada setengah-setengah imam, saya misalkan Pejabat Agama Islam mengarangkan khutbah dinyatakan serbaguna misalnya dia kata "serbagun" sebab ditulis "ga wau nun" dia kata "gun" itu terus, misalnya mencari kesempatan, dia kata mencari kesempatan seribu satu macam saya dengar

biia saya pergi sembahyang, jikalauh perkara macam ini dalam Uğama Islam yang maha suci dan menjadi uğama rasmi bagaimanakah kita hendak mendapat kebajikan.

Saya berharap kepada pihak yang berkenaan sesudah Uğama Islam menjadi uğama rasmi boleh dilantik Pengerusi dan Timbalannya dan dikeluarkan wang yang begitu banyak, hendaklah diawasi sampai ke kampung-kampung.

Tuan Yang di-Pertua, saya sentuh berkenaan Kementerian Pertahanan. Kementerian Pertahanan kita tahu selain daripada askar biasa dan sebagainya salah satu daripadanya ialah Askar Wataniah. Askar Wataniah ini walaupun kita tahu pihak Menteri yang berkenaan menjawab yang Askar Wataniah ini tugasnya tidaklah begitu mustahak ataupun tidak begitu penuh semacam askar biasa. Itu boleh jadi kita kata begitu sebab kita jarang pergi ke tempat yang ada Askar Wataniah, tetapi bagi setengah Ahli Dewan Negara baik siapapun yang berdamping dengan Askar Wataniah yang menjadi Jurulatih, dan sebagainya, maka tugas-tugas mereka itu amatlah teruk di dalam kampung. Mereka boleh dikatakan bertugas 24 jam selain daripada menjadi Jurulatih dan sebagainya, maka merekalah masing-masing menjadi tempat tumpuan itu dan ini tempat bertanya khabar dan meminta pertolongan, tetapi kalau kita pandang kepada imbuhan ataupun elaun yang didapati oleh Askar Wataniah ini amatlah sedikit, kalau hendak dibandingkan dengan askar biasa dan sebagainya yang ada di tempat saya seperti di Padang Besar. Dengan sebab itu, saya mengesyorkan kepada Kerajaan patutlah elaun ataupun gaji mereka dinaikkan sedikit. Saya contohkan hari ini kaulaulah pangkat Sarjan bagi Askar Wataniah, ini boleh jadi pangkat yang ada dalam askar biasa pangkat Kopral lebih tinggi daripada pangkat Askar Wataniah yang berpangkat Sarjan dan menjadi Jurulatih. Yang anihnya selepas bekerja beberapa tahun mereka tidak mendapat walaupun sedikit wang sagu hati, manakala askar biasa selepas 12 tahun, mendapat pencen dan wang sagu hati, mereka ini selepas 12 tahun atau selepas beberapapun tidak dapat wang sagu hati. Kadang-kadang selepas berkhidmat berpuluh-puluh tahun mereka tidak mendapat sagu hati dan tidak diikhtiarkan satu kerja yang berpatutan, sedangkan hamba Allah tadi ternganga-

nganga tak dapat apapun. Dengan sebab itu, saya berharap mendapat pertimbangan yang sewajarnya daripada Kementerian yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Kementerian Pelajaran walaupun disentuh oleh rakan-rakan saya yang lain, tetapi saya ingin menyentuh sama. Pertama, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Kementerian Pelajaran Malaysia kerana pada tahun ini telah diberi peruntukan yang begitu banyak sekali, kalau tidak silap \$5.6 juta kepada pelajar-pelajar miskin. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah. Di samping itu, sukalah saya mengesyorkan supaya wang bantuan itu dapat diproseskan dengan kadar masa yang agak cepat kerana Penggal Persekolahan telah masuk bulan yang kedua sedangkan Peperiksaan Penilaian Darjah V akan diadakan tiap-tiap bulan Oktober. Jadi kalau tidak ada buku-buku atau lambat sampai ke tangan murid-murid ini akan membawa kekeciwaan yang amat besar. Peperiksaan Penilaian adalah ditetapkan, kita akan beri buku kepada kanak-kanak miskin, tetapi apa erunya kita akan beri kalau tidak sempat digunakan. Saya berharap kepada pihak Kementerian yang berkenaan supaya mengambil perhatian yang amat besar.

Yang kedua, pembekalan tenaga guru ke sekolah-sekolah di luar bandar lebih diberi perhatian istimewa lagi kerana di tempat saya sendiri umpamanya, guru-guru lepasan maktab tidak sampai 10 orang pada tahun 1974 dihantar oleh Kementerian Pelajaran di sekolah-sekolah rendah yang ada di luar-bandar di Negeri Perlis. Masih kurang guru-guru pengajar bahasa Inggeris di sekolah-sekolah rendah di luar bandar pada hal kelulusan bahasa Inggeris amatlah mustahak untuk dipilih masuk ke sekolah berasrama penuh. Kalau keadaan ini berpanjangan peluang anak-anak desa, anak-anak pak tani, anak bumiputra khasnya Melayu, hendak masuk ke sekolah berasrama penuh amatlah mengeciwakan.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi mengenai soal buku teks telah dicakapkan oleh ramai kawan-kawan saya dan saya suka menyentuhnya juga. Satu, buku teks lambat sampai. Yang kedua, buku teks ini kadang-kadang ditukar macam tukar kacang goreng, setahun sekali, dua tahun sekali ditukar. Saya mengesyorkan kalau boleh tidak payah

ditukarkan. Kalau hendak ditukarkan juga biarlah sampai 4 tahun ataupun 5 tahun. Saya berpendapat buku teks ini tidak begitu mustahak ditukar sangat apatah lagi pada sekolah rendah. Kalau dengan kita tidak tukar buku teks tadi bolehlah misalnya anak seorang petani di luar bandar kalau abangnya mengaji pada tahun ini Darjah II tahun depan adeknya boleh sambung buku yang berkenaan.

Yang kedua, saya tidaklah suruh buat macammana Tuhan turunkan Quran, Nabi dengan Hadisnya. Tuhan menurunkan Quran daripada bulan Hijrah hari ini sudah ada 1,394 tahun tidak pernah ditukar walaupun sekali. Saya tidak kata kebolehan manusia ini sama dengan kebolehan Tuhan dan saya ajaib buku itu ditukarkan selalu, bukan isinya tidak baik tetapi yang menjadi tidak baik kadang-kadang isi Quran itu baik orang-orang yang menggunakan itu tidak tahu pada tempatnya. Saya yakin juga pengarang-pengarang buku tentulah orang yang bijak pandai. Dengan sebab itu, saya mengesyorkan dan saya berharap sangat kepada Kementerian yang berkenaan janganlah ditukarkan selalu buku teks yang berkenaan dan pengawasan penuh yang diambil oleh Kementerian Pelajaran jangan macam kata seorang kawan kita kelmarin Yang Berhormat Senator Haji Abdul Rahim dia kata boleh jadi ada tumbuk rusuk dalam hal menetapkan buku ini. Saya tak mahu tuduh. Saya tidak begitu seronok kalau ditukarkan selalu. Saya haraplah pengawasan menetapkan buku biarlah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, guru-guru lepasan maktab tidak sampai 10 orang dihantar ke Perlis. Ramai guru-guru bermula dari aliran Melayu yang tidak berkebolehan mengajar bahasa Inggeris. Sebaliknya lepasan maktab anak-anak Perlis yang berkebolehan Inggeris dihantar pula ke negeri lain yang memang sudah banyak tenaga pengajar berkebolehan dalam bahasa Inggeris. Di harap penyebaran pembekalan tenaga guru yang tidak seimbang ini tidak akan berulang lagi demi untuk pembangunan masyarakat luar bandar. Saya bukanlah berkedaerahan yang melampau, tetapi walau bagaimanapun saya ingin adalah lebih baik kalau di Perlis sudah ada guru-guru yang berkenaan tolonglah hantar balik ke Perlis sedangkan Perlis masih berkehendakannya.

Sekim Kementerian Pelajaran mengredkan sekolah rendah untuk meningkatkan kedudukan guru-guru sekolah juga dialu-alukan, tetapi saya kira masih ada kelemahan-kelemahan yang masih boleh dibaiki lagi. Umpamanya sekolah rendah Gred C. Kebanyakan sekolah-sekolah Gred C ini berada di luar bandar dan Guru-guru Besar kebanyakannya adalah guru-guru tua latihan lama. Mereka bolehlah dikatakan malang nasibnya. Satu masa dahulu dihantar ke luar bandar untuk menjadi Guru Besar di luar bandar kononnya atas dasar banyak pengalaman. Manakala Guru Besar di pekan-pekan adalah dilantik orang-orang yang lebih muda dan yang berkebolehan. Sekarang kebanyakan digredkan dalam Gred A ataupun B. Gajinya boleh dikatakan \$900 ke atas tetapi Guru Besar di luar bandar (bumiputra) terletak dalam Gred C yang gajinya amat murah kalau dibandingkan dengan tugasnya. Dengan sebab itu, saya merayu kepada Kementerian yang berkenaan untuk mengkaji semula di atas kedudukan yang tersebut.

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu had manusia ada yang baik, ada yang jahat. Sebab itulah yang jahat ditangkap, yang baik diberi gaji dan sebagainya. Tetapi di samping itu juga kita sebagai manusia kadang-kadang kesalahan itu ada yang kita tidak dapat hendak nafikan kesilapan kita. Dan walau bagaimanapun saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk keselamatan negara agak saya ada orang-orang yang ditangkap walaupun mereka ini bersabit dengan kominis, tetapi diampunkan oleh Kementerian yang berkenaan. Jadi dengan sebab itu saya merayu kalau tidak menjadi halangan sangat kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri kalau orang yang ditangkap terutamanya, kalau saya kata menyeludup, harus saya sokong penyeludupan, tetapi saya tidak menyokong penyeludup, tetapi saya katakan kalaulah ditangkap bersabit dengan kesalahan kominis yang membunuh orang dan sebagainya, boleh dilepaskan, saya fikir tentu lebih ringan lagi kalau kesalahan itu bukan membunuh dan sebagainya, kerana kesalahan itu adalah kecil dari segi bahaya. Dengan sebab itu, saya minta kepada Kementerian yang berkenaan dan saya merayu supaya ditimbangkan semula terutama anak-anak bumiputra yang tersilap langkah buat kerja dengan berniaga, tetapi



pada pandangan Kerajaan salah dan dibuang ke tempat-tempat yang jauh, kadang-kadang orang bumiputra ini bila dibunuh tempat yang jauh sedikit dia tidak tahu cari makan. Jadi dengan sebab itu, saya merayu kepada Kementerian yang berkenaan kalau kesalahan lain boleh diampun, maka kesalahan itu patutlah diampun dan ditimbangkan semula seboleh-bolehnya seberapa cepat yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Penyiaran—Radio. Dalam Radio tentu ada seribu satu macam. Ada kugiran, ada hiburan, ada bacaan Quran, ulasan selari termasuk Joe Frazier lawan Muhammad Ali dan sebagainya. Ini alat yang besar untuk umum. Begitu-lah juga radio. Saya amatlah tertarik dengan Radio, ada dua siaran. Saya bercakap ini, saya takut nanti orang menuduh saya sebagai Tok Sheikh. Satu pada pukul 7.25 minit tiap-tiap pagi, yang kedua pada pukul 11.25 minit malam. 7.55 minit pagi “Renongan Sepintas Lalu” dan pada pukul 11.55 malam “Berkat Ilahi”.

Saya amatlah tertarik kepada siaran ini dan amatlah memberi menefaat pada pendapat saya walaupun semua orang tidak ikut tetapi kalau selalu benda ini kita ucapkan dengan baik lambat-laun ada yang termasuk dalam hati manusia. Tetapi pendapat saya, masanya tidak begitu sesuai. Saya dapati dan saya yakin Tuan Yang di-Pertua bersetuju dengan saya, orang yang ada tugas masing-masing baik guru ataupun kerani dan petani, pukul 7.25 pagi akan menjalankan tugas masing-masing, kerana guru hendak ke sekolahnya, kalau murid yang besar hendak ke sekolah, kerani pula hendak ke pejabat sudah mula berjalan daripada pukul 7.25 pagi, jadi yang mendengar boleh jadilah segelintir yang ada di rumah, itupun kalau ada. Saya haraplah masa “Renongan Sepintas lalu” itu kalau boleh diubah pada masa yang agak penghuni rumah itu ada di rumah macam pukul 8.00 malam ataupun pada pukul 8.30 malam selepas Warta Berita dan kalau bolehlah ditambah siaran lagi macammna kita dengar dari Radio Singapura, kalau tidak silap saya pada pukul 7.00 pagi “Mutihara Hikmat” dan sebagainya. Ini menjadi menefaat agak saya selain daripada hiburan-hiburan yang kita dengar itu.

Yang kedua, saya sentuhkan tadi macam siaran yang saya katakan tadi “Berkat Ilahi”. Pukul 11.55 minit malam agak saya Tuan

Yang di-Pertua pun pada waktu itu tengah lena, jarang sangatlah yang tidak hendak lena—jadi untuk siapa. Biarlah siaran ini agak masa yang banyak orang boleh mengendangnya.

Yang akhir sekali mengenai Kementerian Pembangunan Ekonomi Desa. Saya ini datangnya daripada Kementerian Pembangunan Ekonomi Desa tetapi dahulunya Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Saya amat sedih di atas peruntukan Kementerian ini terutama Jabatan Kemajuan Masyarakat. Di masa-masa yang lepas, setahu saya—saya ini sebagai seorang bekas penyelia, minta maaf saya katakan sekali lagi. Di masa dahulu peruntukan dalam Jabatan Kemajuan Masyarakat amatlah banyak sampai setahun misalnya di Perlis sahaja sampai \$300,000 tetapi di zaman sains dan teknologi dengan berbagai-bagai perubahan, harga barang naik dan sebagainya peruntukan dari setahun ke setahun makin berkurangan. Ini agak saya anih sedikit Kementerian Pembangunan Ekonomi Desa terutama dalam Jabatan Kemajuan Masyarakat ini. Saya berharaplah kepada Kementerian yang berkenaan, kalau bolehnya, tambahlah peruntukan kepada Kementeriannya ataupun Jabatan-jabatan Kemajuan Masyarakat di seluruh Malaysia, biarlah bersesuaian dengan keadaan masa.

5.53 ptg.

**Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin:** Tuan Yang di-Pertua, saya adalah mengalulakan Rang Undang-undang Perbekalan yang dibentangkan di dalam Dewan ini. Sebelum saya menyokong, saya hendak bercakap sepatah dua dalam beberapa masalah yang timbul daripada Rang Undang-undang Perbekalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita sudah banyak mendengar daripada semalam sehingga pada hari ini pandangan dan fikiran daripada sahabat-sahabat berhubung dengan Rang Undang-undang Perbekalan, 1974 ini. Saya suka menyentuh beberapa perkara, pertama sekali ialah Kementerian Pelajaran. Kementerian Pelajaran ini ialah masalah kekurangan guru yang timbul bukan setahun, bukan dua tahun, tetapi tiap-tiap tahun yang saya masih ingat sebab saya sudah ada di sini 11 tahun di dalam Dewan ini. Masalah kekurangan guru ini timbul dari semasa ke semasa sedangkan kajian kelahiran anak yang masuk 3 tahun ke



apabila dipandang oleh negara jiran kita, kita dapat duduk first class tetapi yang sebenarnya tiket kita tiket nombor dua. Tetapi hendak menjaga nama baik kita, kita bayar lagi tambah sedikit dan bolehlah dapat first class kerana hendak ikut pintu depan. Mengapa perkara ini berlaku? Saya harap perkara ini ditengokkan dan saya sokong pegawai tinggi kita yang keluar negeri beri dia first class.

Tetapi yang anihnya, Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat lagi bahawa saya diberi V.I.P. treatment di Bangkok Airport walaupun saya naik klas tiga. Kalau Tuan Yang di-Pertua tak percaya, tanyalah kepada Setiausaha Parlimen, Datuk Azizul Rahman dan seorang pegawai tinggi lagi ialah Pengarah Talikom. Saya diberi treatment yang pertama iaitu V.I.P. treatment for Datuk Razak Hussain. Sibok orang mencari saya. Nasib baik saya pakai songkok, dan saya beri beg saya kepada Datuk Azizul Rahman, masih ada lagi Setiausaha Parlimen sekarang ini. "Datuk, ambil beg saya ini, kalau saya pegang beg tidak diberi special treatment." Dialah bawa daripada situ mengikut belakang saya dan saya dapat special treatment. Rupa-rupanya diketahuinya saya seorang Senator. Kerajaan Thai memberi penghormatan semasa di lapangan terbang. Ditanyanya kepada saya mengapa tak masuk dalam V.I.P. Room? Saya kata saya berhenti sekejap di sini. I have no time to go there. I am sorry, thank you very much. Jadi kerana hendak menghilangkan fasal Senator kerana menjaga perhubungan baik antara Malaysia dengan Thai. Senator ini diberi treatment. Kerana hendak menjaga nama baik Kerajaan Malaysia, saya mesti beli tiket first class dengan duit saya sendiri tambah daripada Bangkok ke Kuala Lumpur. Inilah kisah saya. Saya fikir cerita saya ini boleh juga melinakan beberapa orang yang kelak akan terjaga dan perbaikinya.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap sedikit masaalah Yunit Perancang Ekonomi negara kita. Ada satu kawasan dalam sebuah Negeri, sebuah tempat ada bahan-bahan yang boleh dibuat simin. Yunit

Perancang Ekonomi kita memberi keterangan tidak perlu ada banyak lagi kilang simin dan dia tidak memberi rekomen untuk ditambah kilang simin dan ini inisiatif Tuan Yang di-Pertua sendirilah mengajak penanam-penanam modal luar negeri bagi membuka kilang simin. Tetapi hari ini kita tahu Kerajaan Saudi Arabia ambil simin daripada Thai. Jadi ahli perancang ekonomi kita jaga-jaga jangan dengar dalam Tasik, laut, air semuanya ini, sebab dia tak suka dibuka beberapa kompeni simin lagi yang kelak akan merugikan perusahaan dia, jadi racun bermain di dalam madu. Saya harap ahli perancang ekonomi mesti lurus dan jujur dalam memberi sebarang nasihat kepada Menteri yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap lagi dalam masaalah jalan-jalan di dalam Negeri Pahang. Negeri Pahang ialah sebuah Negeri yang terlibat dengan emergency dan kesannya telah terasa sekali terutama mereka yang bekerja dengan perusahaan-perusahaan dalam hutan, pengeluar-pengeluar balak, pengilang-pengilang papan oleh sebab selain daripada dia menghadapi monsoon kita dalam bulan November dan Disember dia sudah menghadapi keadaan darurat dalam kawasan ini yang setengah-setengah kilang sudah 3-4 bulan tidak menjalankan perusahaannya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, emergency atau kawasan larangan yang dikenakan bukanlah dengan kehendak Kerajaan tetapi keadaan memaksa. Perkara yang lebih patut difikirkan sekarang begini: Kegunaan lori-lori di jalanraya di antara Raub dengan Gap, di antara Raub dengan Bentong, di antara Raub dengan Jerantut dan sebagainya ada had (limit) sedangkan lori-lori itu adalah membawa bekalan benda-benda itu ke luar negeri, Kuala Lumpur umpamanya. Lori-lori yang 13 tan atau lebih tidak boleh melalui jalan Gap/Raub sedangkan jalan itu adalah jalan asal sebelum jalan-jalan lain dibuat, jalan Gap itulah yang menghubungkan Pantai Timur dengan Pantai Barat. Pada masa yang akhir-akhir ini sekatan sudah dikenakan, sedangkan

Pejabat Lalulintas atau Kementerian Perhubungan memberi permit lori-lori kayu-balak sekian-sekian tan. Mengikut perintah Polis Di Raja tidak boleh dilalui.

Sekarang ini pengangguran mungkin berlaku. Kalau ini dapat ditimbang oleh Kerajaan, selain daripada hutan tidak boleh dikeluarkan, membawa kenderaan tidak boleh digunakan, maka soal kekurangan tenaga pekerja, mencari kehidupan akan lebih dirasai oleh rakyat di Negeri Pahang. Tambahan pula, perkara ini sudah sampai kepada pengetahuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan pejabat itu minta pandangan dan fikiran Pejabat Perhubungan ataupun Kementerian Perhubungan. Saya takut, Tuan Yang di-Pertua, jikalau jawapan dan nasihat yang diberi oleh sebarang pihak yang berkenaan kepada Jabatan Perdana Menteri yang tidak difikirkan kesannya akan melibatkan soal pembangunan dalam negara kita dan juga pengangguran yang akan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang akhir saya hendak bercakap. Saya hairan mengapa dua tempat dalam Malaysia Barat ini, Kuala Lipis dan Cameron Highland, commission bank terlampau tinggi iaitu  $\frac{1}{4}$ . Ertinya tiap-tiap \$1,000 komisyennya \$2.50 dan lain-lain tempat di dalam Malaysia Barat cuma  $\frac{1}{8}$  sahaja bahkan setengah bank kurang daripada itu yakni tiap-tiap \$1,000 cuma \$1.25 sahaja. Mengapa dua tempat ini tinggi pembayaran komisyennya iaitu Cameron Highlands dan Kuala Lipis. Saya tidak cakap bahawa sanya ada perbezaan, tetapi saya minta Menteri yang berkenaan boleh memberitahu Dewan ini mengapa komisyen bank di Kuala Lipis dan di Cameron Highlands itu tinggi, \$2.50 tiap-tiap \$1,000 berbanding dengan tempat-tempat lain di dalam Malaysia Barat ini cuma \$1.25 atau  $\frac{1}{8}$  sahaja—\$1.25 tiap-tiap \$1,000.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhirnya saya hendak bercakap sedikit sahaja. Saya berasa kesal pada masa yang akhir ini.

Mekah, di tanah suci, kepulangan bekas Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, apabila bersara daripada menjadi Setiausaha Agung Sekreteriat Islam, kembali ke tanahair secara rasmi, sampai di Lapangan Terbang Kuala Lumpur, ia balik hanya sebagai orang biasa, ia hanya disambut oleh seorang Menteri. Yang Berhormat Tun V. T. Sambanthan, disambut oleh Menteri Besar Selangor, Datuk Harun Idris dan beberapa orang kenalan lama. Inilah ayat yang saya baca dalam Utusan Melayu di Mekah. Saya bangkitkan perkara ini, dengan dua sebab. Tunku Abdul Rahman ialah bekas Perdana Menteri, tetapi ialah juga bapa kemerdekaan yang diakui oleh sejarah negara kita. Dia pergi ke Saudi Arabia, ke Jeddah membawa satu tugas yang besar sebagai Setiausaha Negara-negara Islam sedunia. Perginya ke Jeddah sebagai khidmat yang dipandang tinggi oleh seluruh negara Islam dan kembali ke tanahair setelah bertugas dengan baik dengan tidak begitu diketahui oleh sahabat handai, kenalan lama dan Kerajaan sediri. Kenapa? Adakah Pejabat Luar Negeri tidak memberitahu kesampaiannya? Adakah Kementerian Luar Negeri tidak memaklumkan perkara ini kepada Perdana Menteri—Sebagai seorang sahabat baik, saya fikir beliau terpaksa pergi dan harus pergi, sebab tabii Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pada hari ini kita sama-sama tahu. Mengapa kepulangan sebagai seorang patriot negara kita setelah 3 tahun di luar negeri memimpin Persatuan Islam Sedunia kembali ke tanahair sebagai pulang yang tidak bersambut. (*Tepuk*) Mengapa? Oh! kerana sudah tidak ada lagi bersama kita. Tidakkah kita akui dia sebagai bapa kemerdekaan? Kalau kita tidak mengambil berat pada hari ini menghormati orang tua yang ada sekarang, anak muda yang akan datang tidak akan hormat pada kita hari ini. Ini pepatah. Jikalau kita yang ada hari ini tidak menghormati orang tua, orang muda tidak akan menghormati kita apabila kita